



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

DOKTOR SUHAZELI BIN ABDULLAH

PAKAR KESIHATAN KELUARGA

OLEH:

LUQMAN HAQIM BIN KAMALUDIN 2020334817

MUHAMMAD ZARIF HAKIMI BIN MOHAMAD ASRI 2020798121

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pertama sekali sudah tentu kami ingin mengucapkan alhamdulillah ke hadirat Illahi kerana dengan keizininannya kami dapat bersama-sama menyelesaikan tugas dalam menghasilkan transkrip ini.

Juteru itu, kami juga ingin mengucapkan teramat terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah dimana beliau sentiasa memantau dan juga membantu kami sepanjang proses menghasilkan transkrip ini. Tanpa beliau sudah tentu kami sukar dan tidak akan berjaya menyiapkan transkrip ini mengikut format dan masa yang ditetapkan dengan tepat dan betul.

Di samping itu, kami juga tidak lupa akan masa dan tenaga yang disumbangkan oleh tokoh kami sebelum, semasa dan selepas temubual beliau sentiasa memberikan respon yang pantas dan kerjasama yang amat baik dalam sepanjang proses kami menyiapkan tugas transkrip ini

Akhir sekali, kami berharap dengan penghasilan transkrip ini dapat digunakan sebagai sumber rujukan pada masa hadapan. Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sepanjang proses penghasilan tugas transkrip ini seperti rakan-rakan dan keluarga.

Sekian. Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata Tokoh	iv
Pengenalan	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh	01 - 12
Bahagian B: Sejarah Pendidikan Awal	13 - 22
Bahagian C: Sejarah atau Pengalaman Menjalani Praktikal	23 - 25
Bahagian D: Pengalaman Kerjaya	26 - 27
Bahagian E: Penghargaan dan Anugerah	28 - 30
Bahagian F: Hasil-Hasil Penulisan	31 - 34
Bahagian G: Penglibatan Aktiviti/ Program Luar Pejabat	35 - 36
Bahagian H: Isu Semasa, Tips dan Harapan	37 - 46
Rujukan	47
Lampiran	
Log Wawancara	
Diari Kajian	
Senarai Soalan	
Surat Perjanjian	
Gambar	
Sijil Penghargaan	
Indeks	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak

Temu bual ini dilakukan Bersama Dr Haji Suhazeli Abdullah. Beliau merupakan anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah perubatan di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana (Master of Medicine) dalam pengkhususan Perubatan Keluarga di Universiti Kebangsaan Malaysia. Temu bual ini dilakukan bagi mengetahui tentang pengalaman dan pencapaian beliau sepanjang menjadi seorang yang pakar di dalam ilmu perubatan dan juga di dalam bidang penulisan. Temu bual ini dijalankan melalui platform "Zoom Meeting" yang dijalankan pada tarikh 30 Jun 2021 pada hari Rabu. Temu bual tersebut berlangsung pada jam 2.30 petang dan mengambil masa selama 2 jam. Secara ringkas, Dr Hj Suhazeli Abdullah banyak berkongsi pengalaman hidup beliau dalam bidang pakar perubatan keluarga dan beliau juga banyak menerima anugerah sepanjang beliau berkhidmat di dalam bidang tersebut.

Kata Kunci: Pakar Perubatan Keluarga, Ilmu Perubatan, Pakar, Vaksin, Doktor

Abstract

This interview was conducted with Dr Haji Suhazeli Abdullah. He was born in Kota Bharu, Kelantan. He is pursuing a medical degree at Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. Later, he furthered his studies to the Master of Medicine level in Family Medicine at Universiti Kebangsaan Malaysia. This interview was conducted to find out about his experience and achievements throughout being an expert in medicine and also in the field of writing. The interview was conducted through the "Zoom Meeting" platform which was conducted on 30 June 2021 on Wednesday. The interview took place at 2.30pm and lasted for 2 hours. In short, Dr Hj Suhazeli Abdullah shared many of his life experiences in the field of family medicine and he also received many awards during his service in the field.

Keywords: Family Medicine Specialist, Medicine knowledge, Specialist, Vaccine, Doctor

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Suhazeli Bin Abdullah
Profesion	Doktor Pakar Perubatan Keluarga
Jawatan	Ketua Unit dan Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Tengkawang
No. Telefon	
Alamat	Hulu Terengganu, Terengganu
Emel	suhazeli@kkesihatan.gov.my

PENGENALAN

PENGENALAN

Dr. Suhazeli Abdullah merupakan seorang doktor pakar yang sedang berkhidmat di Klinik Kesihatan Tengawang, Terengganu. Beliau dilahirkan di Kota Bharu Kelantan. Pendidikan awal di sekolah Kebangsaan Perol dan Sultan Ismail College (SIC), Kelantan. Kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah perubatan di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. Kemudian, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana (Master of Medicine) dalam pengkhususan Perubatan Keluarga di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau banyak terlibat dalam menyampaikan ceramah mengenai Vaksin, Rokok, Vape dan kaedah menjalankan kajian saintifik perubatan, Health System Research (HSR) dan Quality Assurance Program (QAP) samada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan.

Selain itu, beliau juga banyak menulisa dan menghasilkan buku-buku, artikel dan juga artikel di media sosial bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesihatan dengan fakta dan jawapan yang betul dari seorang pakar dan beliau juga sering menulis artikel bagi menepis fakta palsu yang dicipta dan dipusingkan golongan yang tidak bertanggungjawab bertujuan menghasut dan mengelirukan masyarakat dalam sesebuah isu kesihatan

Seterusnya, beliau juga aktif dalam program luar waktu pejabat kerana beliau terlibat dengan begitu banyak persatuan dan juga badan bukan kerajaan secara langsung atau tidak langsung. Walaupun beliau merupakan doktor kesihatan beliau juga mempunyai kemahiran dalam bidang pengkomputeran seperti mahir menggunakan aplikasi SPSS dan juga Adobe Photoshop.

Akhir sekali, beliau juga turut menerima banyak anugerah diantaranya adalah Anugerah Wira Vaksin dimana beliau dianugerahkan anugerah berkenaan kerana begitu lantang dan aktif menulis di media sosial untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang vaksin dengan fakta dan rujukan yang sah dan betul.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temu bual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Zarif Hakimi Bin Mohamad Asri serta Luqman Haqim Bin Kamaludin bersama tokoh pilihan Dr Haji Suhazeli Bin Abdullah mengenai pengalaman beliau dan juga kepakaran beliau dalam bidang Family Medicine Specialist (FMS) atau Pakar Perubatan Keluarga. Temu bual ini dijalankan melalui aplikasi “Zoom Meeting” pada tarikh 30 Jun 2021 bersamaan hari Rabu pada jam 2.40 petang.

Tujuan temu bual ini dijalankan adalah bertujuan untuk memenuhi subjek pendokumentasian lisan. Selain itu, temu bual ini juga bertujuan untuk mengenalpasti tentang pengetahuan dan juga kepentingan “Family Medicine Specialist (FMS)” atau Pakar Perubatan Keluarga. Temubual ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pertama dan juga sesi kedua. Temu bual ini mempunyai lapan bahagian iaitu kepada bahagian pertama mengenai latar belakang tokoh, seterusnya bahagian kedua mengenai sejarah pendidikan awal, bahagian ketiga mengenai sejarah atau pengalaman tokoh, bahagian ke-empat iaitu pengalaman kerjaya, bahagian ke-lima iaitu penghargaan, bahagian ke-enam iaitu hasil-hasil penulisan, bahagian ke-tujuh iaitu penglibatan tokoh dan akhir sekali mengenai harapan dan nasihat daripada tokoh. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

SA: Dr Suhazeli Abdullah
MZ: Muhammad Zarif Hakimi
LH: Luqman Haqim

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MZ : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Dr Suhazeli Abdullah, apa khabar?

SA : Waalaikumsalam warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, Alhamdulillah baik. Semua sihat?

MZ : Alhamdulillah sihat sahaja.

LH : Alhamdulillah dalam keadaan sihat.

ZH : Okay [baiklah] Dr, untuk sesi pertama bahagian A ni [ini] akan dikendalikan oleh saya sendiri dan bolehkan kita memulakan sesi temu bual kita sekarang Dr?

SA : Okay [baiklah], sila.

ZH : Mengenai bahagian A, iaitu mengenai latar belakang Dr. Sebagai soalan permulaan untuk sesi temu bual kita pada hari ini. Bolehkah Dr menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang Dr?

SA : Terima kasih kepada Muhammad Zarif Hakimi dan Luqman Haqim kerana menemu bual saya. Saya kena korek [ingat] balik kenangan saya. Saya ada baca soalan yang diberikan itu sepintas lalu dan saya kena refresh [ingat] kembali saya punya memori kehidupan saya. Saya rasa macam bagus juga kadang-kadang boleh dibukukan juga kehidupan kita (ketawa). Bagus juga sebab tak pernah lagi orang buat. Satu initiative [tindakan] yang bagus. Pertama sekali – saya dilahirkan pada 1971, 3 March [Mac]. Eh (terlupa) 2 March [Mac] 1971. Tertukar 3 dengan 2 (tarikh kelahiran). Jadi 2 March [Mac] 1971, di Kampung Perol, Kota Bharu, Kelantan. So [jadi] ore [orang] Kelantan ni [ini]. Zarif Hakimi ore mano dok tahu? [orang mana ini?] (sambil ketawa).

MZ : Saya lahir di Alor Setar, Kedah. Orang Kedah.

SA : So [Jadi], Haqim pun orang belah [kawasan] sana juga kan? Cuma duduk di Terengganu dan Kelantan. Sekarang ni [ini] belajar di Kelantan. Baik, Kampung Perol tu [itu] kalau tengok dari segi kat [dekat] Machang tu [itu] sebelum sampai Kota Bharu, dia ada tulis situ Nilam Puri. Dia akan masuk ke dalam tu [itu] dipanggil Perol. Dia dalam 3 kilo [kilometer] ke dalam. Dia in between [ditengah-tengah] di antara Nilam Puri dan Peringat. So [jadi] connecting [berhubung] di antara Peringat dan Nilam Puri ada jalan Perol tu [itu] di tengah-tengah itu Kampung Perol (diulang dua kali) dan dilahirkan di sana—dan sekolah rendahnya di Sekolah Kebangsaan Perol. Sekolah menengah—mungkin saya bongkarkan semuanya pasal [tentang] cerita saya. Bagus juga buat macam ni (sambil ketawa). Sekolah menengah saya sempat Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong sehari (sambil ketawa). Dia zaman dahulu, kita akan bincang sikit [sedikit] pembelajaran orang dahulu. Orang dahulu dia secara automatik apabila sekolah itu berada dekat, kita akan pergi ke sekolah berkenaan. So [jadi] untuk sekolah menengah yang paling di dekat adalah di Mulong. Mulong itu lepas daripada Nilam Puri sedikit dan juga sekolah menengah di Melor tapi melor itu agak jauh. Kebanyakan orang Kampun Perol tu [itu] akan ke Sekolah Menengah Melor. So [jadi] sempat saya sekolah di situ sehari. Keluarga saya ini, ayah saya ini ialah Imam masjid dan Imam biasalah nak [mahu] hantar anak-anaknya ke sekolah agama. Jadi di situ,

ayah saya sebenarnya meninggal dunia pada saya darjah enam. So [jadi] untuk sekolah menengah itu saya tidak sempat. Bukan ayah saya yang buat decision [keputusan] tapi mak yang buat untuk menghantar saya ke Sekolah Menengah Agama (A) Maahad Muhammadi lebih kurang 3 bulan. Jadi, sempatlah saya belajar mengenai kitab dan juga pandai sedikit Bahasa Arab. Saya dapat satu ilmu yang sangat bagus iaitu ilmu tulisan khat. Saya dah tak [tidak] ingat Ustaz tu [itu] nama apa tapi dia mengajar saya sampai sekarang saya ingat kaedah bagaimana nak menulis tulisan khat. Selepas di Maahad Muhammadi lebih kurang 3 bulan, saya mendapat tawaran untuk ke sekolah khas SIC [Sultan Ismail Collage]. SIC [Sultan Ismail Collage] itu merupakan pioneer program [program perintis] kepada siapa yang good result [keputusan cemerlang] dalam pada masa itu kita panggil Penilaian Darjah 5 sekarang ini kita panggil UPSR [Ujian Pencapaian Sekolah Rendah]. Pada masa kami dulu Penilaian Darjah 5. So [jadi] darjah 6 itu memang hilang, takde [tiada] buat kerja apa, duk [hanya] main di dalam kelas, bising macam itu dalam kelas tapi pada masa itu darjah 5 Alhamdulillah saya dapat good grade [keputusan cemerlang] saya—4A 1B. Pada masa tersebut seingat saya lebih kurang 4 orang 4A 1B dengan seorang dapat 4A 1C dan seorang dapat 5A. Kami diantara yang Top 10 [10 terbaik] kiranya memang pada tahun tu [itu] pecah telur [buat pertama kalinya] sebab sebelum ini tiada lagi yang dapat 5A. Jadi, dengan 4A 1B pun dikira good grade [keputusan cemerlang] pada masa itu. Jadi, saya interview [temuduga] juga ke sekolah-sekolah berasrama penuh macam Sekolah Sains, Mara dan sebagainya tetapi tak dapat [tidak dapat]. Jadi, SIC [Sultan Ismail Collage] mungkin Kementerian Pelajaran pada ketika itu, saya tak [tidak] pasti siapa punya keputusan mungkin Menteri atau apa-apa, dia buat satu sekolah khas di Sultan Ismail Collage. Sultan Ismail Collage ini Sultan Kelantan dan banyak pimpinan di Kelantan belajar di Sultan Ismail Collage. Bahasa Melayu di panggil Maktab Sultan Ismail. Macam tokoh hebat seperti Tengku Razaleigh, Sultan Muhammad sendiri dan kebanyakan Sultan dia bersekolah di Sultan Ismail Collage. Sultan Ismail Collage ini sekolah english [bahasa inggeris] dahulu sebelum dari Merdeka pun dah ada dah [sudah]. Cerita tentang berkaitan dengan khat tadi, ilmu yang saya dapat daripada Maahad Muhammadi yang lain-lain mungkin saya tidak berapa nak ingat dah. Ilmu khat itu saya dapat, saya practice [latihan] diri saya melukis di kertas. Saya boleh dikatakan dari segi lukisan, saya mahir melukis tetapi tidak semahir ore tu [orang lain] tetapi disebabkan itu saya mahir melukis. Seingat saya pada Tingkatan 3, saya pernah dicalonkan untuk ke Sime Darby KL [Sime Darby Kuala Lumpur] untuk pertandingan melukis. Saya ingat lagi saya punya cikgu lukisan saya Cikgu Mukardi dia memang puji saya punya lukisan dan calonkan saya untuk ke Sime Darby tetapi tak [tidak] pergi sebab takda ore sponsor [tiada tajaan] sebab pada masa

itu dia kata nak pergi kena pergi dengan sponsor [tajaan] sendiri. Kita ni [ini] orang miskin (ketawa), mak saya kerja Petani, ayah saya selain daripada Imam dia Petani buat sawah padi. Abang-abang saya pun masih lagi tidak bekerja. Abang sulung saya dekat Felcra [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan] yang ke-dua dia Cikgu, yang ketiga suri rumah, yang ke-empat Cikgu sekarang ini, yang ke-lima saya, yang ke-enam adik-adik dan seorang lagi yang masih belajar. Pada masa tersebut, abang-abang saya masih lagi tidak bekerja, masih lagi belajar di Maktab dan sebagainya. Jadi, dari segi kewangan itu agak kurang jadi hanya dicalonkan sahaja untuk ke pertandingan lukisan dan tidak dapat pergi. Saya dari segi khat itu memang pandai melukis khat, tulisan Allah, Asma-ul-Husna yang 99 saya lukis dan macam-macam bentuk sehingga saya ialah mungkin untuk membongkarkan cerita sedikit. Kami keluarga miskin dan mak saya selain daripada bertani buat padi, mak saya juga jual nasi kerabu memang sohorlah [terkenal], saya guna bahasa Kelantan awak faham ke tidak ni [ini] (ketawa). Jadi, dengan nasi kerabu Moksus Semah [Makcik Hasmah] mak saya nama Siti Hasmah bukan Siti Hasmah isteri Tun Dr. Mahathir Mohamad (ketawa), ore [orang] panggil Moksus Semah [Makcik Hasmah] nasi kerabu. Di antara pendapatan, punca kehidupan saya kebanyakannya bergantung kepada penjualan nasi kerabu dan untuk pendapatan keluarga daripada hasil penanaman padi. Ayah saya meninggal pada saya darjah 6 tetapi adalah beberapa buah tanah yang diusahakan. Orang zaman dahulu adalah orang yang buka kampung, buka tanah dan sebagainya. Jadi, walaupun dari segi duit di tangan tiada tetapi tanah ada. At least [sekurang-kurangnya] saya punya keluarga 6 orang adik-beradik itu dapat sekeping [sebidang] seorang. Jadi, untuk tampung saya punya pembelajaran dan sebagainya, saya buat padi dan juga secara hariannya saya menjual nasi lemak di sekolah. Di sekolah memang saya bawa nasi lemak dan pada masa itu murah dengan harga 10 sen, 20 sen sahaja masa tu [pada masa itu]. Maksudnya pada masa itu, duit 10 sen bernilai. Saya bawa duit 3 sen boleh beli kuih pada masa itu pada tahun 70-an. Jadi, nasi lemak pada ketika itu dalam 30 sen dan apabila saya sekolah menengah saya masih menjual nasi lemak sehingga Cikgu sekolah pun beli nasi lemak saya. Maaf, bukan nasi lemak tetapi nasi kerabu. Nasi kerabu dia punya kuah itu sedap, kuih tumis itu sedap sehinggakan kebiasaan kita pergi sekolah zaman dahulu dia ada buku teks. Buku teks kena bawa balik tetapi saya tidak bawa balik, saya letak bawah laci meja. Beg saya bawa tetapi dipenuhi dengan nasib kerabu (ketawa). Jadi, hasil daripada situ mak saya kadang-kadang bagi, kadang-kadang tidak bagi duit. Jadi, emak kata "Jual ni [ini] duit dapat, guna" untuk belanja saya. Seingat saya, saya bawa dalam 16 bungkus macam itu lah, penuh dalam plastik. Dapat lah seringgit, dua ringgit macam tu [itu], mewah jugak lah. Itulah saya punya kehidupan saya dilahirkan. Duduk di

kampung pada masa tersebut, tidak ada letrik [elektrik]. Ada elektrik bermula pada tahun 1980-an, saya ingat macam itu lah. Sebaik sahaja, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri (berfikir), bukan sebelum itu lagi dalam darjah 3 atau darjah 4 dalam 70 something [dalam tahun 70-an] baru ada elektrik di kampung kami. Masa itu dia tidak disebut TNB [Tenaga Nasional Berhad], disebut sebagai LLN [Lembaga Letrik Negara] dan sistem air di kampung pun tidak ada, lebih ke arah perigi dan parit air itu untuk kegunaan sawah padi tapi [tetapi] kita gunakan untuk mandi dan air minum lah pada masa tersebut di kampung. Sekitar kampung saya itu, dia punya locality [penduduk setempat] rumah itu dalam jumlah rumah lebih kurang dalam sekitar kelompok dekat saya duduk itu lah sekitar lebih kurang 10 buah rumah dan kalau lebih besar mungkin lagi ramai. 10 buah rumah dan kebanyakan adalah sedara-mara lah. Ayah saya kawin [kahwin] 2, pecah rahsia belaka ini (ketawa) tetapi duduk dekat-dekat. Isteri tua [isteri pertama] dan isteri muda [isteri ke-dua] dekat-dekat. Dimana saya ini adalah dari hasil isteri muda lah. Isteri tua juga baik, saya pun pergi makan di rumah ibu sulung [panggilan] dan rumah anak pada isteri tua pun ada dekat itu juga. So [jadi] kami tidak ada masalah lah dari segi hubungan dan sampai sekarang pun baik walaupun emak saya dah meninggal dan isteri tua pun dah meninggal tetapi anak-anak dia [anak-anak isteri pertama] dan cucu-cucu dia masih ada lagi sebagai anak sedara saya lah. Ikut skrip atau tidak ini, saya pun tidak pasti. Kalau ada tertinggal skrip itu tolong bagitahu, kalau tertinggal you [awak] punya skrip. Sekolah rendah, 6 tahun di Sekolah Rendah Kebangsaan Perol, dia dekat je [sahaja] dengan rumah saya lebih kurang dalam 500meter sahaja kot [rasanya] tetapi dia ada jalan dia tetapi saya selalu ikut jalan pintas ikut jalan denai [jalan semak belukar] sikit sampai. Di sekolah itu, sekelas daripada saya darjah 1 hingga darjah 6 lebih kurang dalam 32 orang dan sekarang ini 32 orang itu alumni untuk Sekolah Rendah Kebangsaan Perol itu untuk class [kelas] saya itu masih lagi kita ada group [kumpulan]. Baru je [sahaja] kita buat group [kumpulan] sebab ada Whatsapp [aplikasi] kalau tiada Whatsapp [aplikasi] tidak boleh buat group [kumpulan]. Sekarang ini dah ada Whatsapp [aplikasi] kita add [tambah]. Semua bercerita berkaitan kisah masing-masing, ingat akan kenangan-kenangan ketika berada di sekolah dahulu., sapa [siapa] yang degil, siapa yang dok [tidak] dengar kata cikgu dan sebagainya (tersenyum) di sekolah rendah. Alhamdulillah, hasil daripada didikan cikgu-cikgu saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Cikgu-cikgu yang mungkin saya boleh sebut ialah Cikgu Yakob sebagai Guru Besar [Guru Besar Sekolah Rendah Kebangsaan Perol], Cikgu Mat sebagai cikgu yang mengajar Matematik, Cikgu Nordin sebagai cikgu Bahasa Inggeris, Cikgu Che Mas --- ini isteri kepada Cikgu Nordin. Dia mengajar (mengingati) rasanya ajar Sains atau pun mengajar bahasa macam itu lah sebab dia bukan lah Guru utama tetapi Guru

yang utama ialah Ckgu Nordin. Sampai sekarang Cikgu Nordin masih hidup, ada lagi tetapi pencen sudah berada di kampung dan kami sentiasa hubungi lah Cikgu Nordin. Dia mengajar Bahasa Inggeris walaupun dia kategori sebagai bekeng [garang]. Bekeng [garang] itu maksudnya dia cengey [garang] sikit lah. Dia kalau tak [tidak] kena je [sahaja] dia akan cubit kita punya perut. Kita memang akan takut lah kalau Cikgu Nordin mari [datang] itu memang takut lah tetapi hasil daripada didikan dia itu dapatlah sedikit saya bertutur dalam Bahasa Inggeris (ketawa) paling-paling tidak kan untuk masuk ke Universiti dan sebagainya. Jadi rasa nak [hendak] menangis pun ada (sebak) bila bercerita pasal [tentang] itu (ketawa). Ada yang mana-mana miss [tertinggal] ke soalan-soalan?

MZ : Okay [baiklah] Dr, tadi mengenai latar belakang keluarga Dr yang Dr ceritakan. Bolehkah Dr ceritakan keluarga Dr ini berapa bilangan adik-beradik yang ada dalam keluarga Dr dan Dr itu sendiri merupakan anak yang keberapa di dalam keluarga tersebut?

SA : Seperti saya sebut tadi, saya punya hierarchy [kedudukan] keluarga, ada 2 keluarga yang besar di mana ayah saya kahwin 2, yang hok [itu] sulung ini dia ada satu, dua -- - adik-beradik. Dua-duanya sudah meninggal dan ada dia punya anak-anak itu lah dan sekarang ini saya masih contact [hubungi] lah dan untuk seibu dan sebapa dengan saya, untuk ibu muda ini emak saya enam orang semuanya. Semuanya masih hidup lagi lah buat masa ini enam orang. Yang sulung dah pencen dah [sudah], pencen dekat Felcra [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan]. Sekaran ini yang sulung menetap di Terengganu juga dekat dengan kampung saya di Terengganu lah sebab saya kahwin dengan orang Terengganu. Jadi, dalam keluarga saya kahwin dengan orang Terengganu dua orang lah, saya dengan abang saya yang sulung dan yang lain itu semua kahwin dengan orang Kelantan juga kecuali yang bongsu tak [tidak] kahwin lagi lah. Jadi, saya anak yang ke-lima --- lepas itu apa lagi yang berkaitan dengan adik-beradik. Tidak ada masalah apa-apa lah dari segi adik-beradik, penyakit ke apa Alhamdulillah setakat ini lah. Ayah saya meninggal pada saya umur 12 tahun darjah 6 --- masa itu dia punya jarak umur ayah dan emak dia jauh sikit lebih kurang dalam 30 tahun sebab dia isteri muda kan, biasa lah isteri muda kan (ketawa) berbeza umur 30 tahun. Jadi, ayah saya kena strok lebih kurang, saya tidak ingat berapa tahun tetapi dalam setahun lebih atau dua tahun macam itu lah kena strok. Dia meninggal pada umur 80 tahun lebih dan emak saya pada masa itu masih lagi berumur 40-an nak masuk ke 50-an dan yang isteri tua itu mungkin dalam 60-an lebih dan 70-an lebih lah. Seperti yang saya sebutkan tadi lah, mata pencarian pendapatan setelah kematian ayah, emak saya masih meneruskan lagi dengan penanaman padi dua, tiga

relung yang ditinggalkan oleh arwah ayah. Buat padi, jual nasi kerabu, buat juga kuih dan kerja-kerja kampung macam itu lah Alhamdulillah dapat menampungnya kesemuanya sampai kita semua membesar lah. Emak saya meninggal semasa saya umur tingkatan 5, tingkatan 5 maksudnya 17 tahun lah ya kan? Saya selepas Maahad Muhammadi, saya ke Sekolah SIC [Sultan Ismail Collage] saya berulang --- dengan naik bas sekolah sehingga ke tingkatan 3 seingat saya. Tingkatan 3 saya berulang dan masa itu ada bas yang masuk, ya bas sekolah lah yang masuk dan bas sekolah ini biasa orang kampung saya ini selain daripada Sekolah Mulong [Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong] macam yang saya katakan tadi, dia akan pergi ke beberapa sekolah yang lain yang feeder school [sekolah terdekat] untuk sekolah menengah ini. Sekolah Menengah Kebangsaan Kota satu lagi, dan begitu juga dengan Sekolah Menengah Sultan Ismail, Sekolah SIC [Sultan Ismail Collage], Sekolah Menengah Zainab berdekatan dengan Sultan Ismail Collage dan juga Maahad Muhammadi. Jadi, kebanyakan orang kampung itu ada yang kesana dan bas itu akan bawa masuk. Maksudnya pagi-pagi itu memang akan penuh lah semua bas jadi kutip [ambil] dari pelbagai lokasi sekitar daripada kampung saya, Kampung Mulong dan seterusnya ke atas yang sana lah. Selepas tingkatan 3, saya duduk di asrama --- sehingga ke tingkatan 5 saya duduk asrama. Masa itu saya gap [renggang] lah sekejap dengan emak saya dan seingat saya pada tingkatan 4 emak saya dimasukkan ke Ward [wad pesakit] akibat daripada kanser lah. Kanser rahim dan pergi ke kanser (berfikir) kanser pangkal rahim dan pergi ke kanser rahim dan juga merebak ke perut. Seingat saya dalam tempoh berapa (mengingati) lebih kurang setahun juga lah dia suffer [menderita] dengan kanser dan membuat pembedahan. Membuat dia punya colostomy [pembedahan usus besar]. Pada masa itu saya struggle [perjuangan] untuk SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] maksudnya saya seolah-olah saya tidak jaga sangat emak saya itu dan selepas daripada SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] kebiasaannya selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dahulu gap [tempoh] lama masa untuk masuk ke apply [memohon] ke U [Universiti] dan sebagainya. Jadi pada masa itu lah saya jaga emak dalam keadaan emak kanser (sebak) dan masa itulah mungkin terdetik di hati saya untuk iltizam [berazam] dan berazam untuk menjadi Doktor dan sebagainya sebab masa saya menunggu emak di Hospital dan saya tengok saya rasa saya perlu buat sesuatu untuk keluarga dan sebagainya. Pada masa itu lah saya terdetik untuk membuat Doktor dan sebagainya dan biasanya dalam keluarga saya pun antara yang suka dan bukan nak [mahu] puji diri apa, saya ini antara yang agak brilliant [bijak] sedikit sebab antara ramai-ramai itu tidak ada siapa yang boleh 4A. Saya lah yang dapat 4A, yang lain-lain itu saya tidak pasti berapa tetapi antara yang good result [keputusan cemerlang] adalah saya lah. Jadi seolah-olah macam dalam saya punya keluarga

seolah-olah dia akan pinpoint [cadangkan] dia kata “Awak jadi Doktor lah, sebab awak bijak” (ketawa) sebab pada masa itu, Doktor adalah highest ranking [kedudukan tertinggi] lah dalam keluarga dan juga pada masyarakat. Setelah saya nak [mahu] masuk ke University USM [Universiti Sains Malaysia] sekali lagi bukan lah saya mahu merintih [kesedihan] tetapi oleh kerana kita punya ekonomi atau keluarga tidak ada duit untuk bawa walaupun In Shaa Allah jamin akan dapat biasiswa. Di USM [Universiti Sains Malaysia] saya dapat biasiswa lah, tetapi untuk kick start [permulaan] untuk pergi ke Matrikulasi untuk masuk ke USM [Universiti Sains Malaysia] itu memang perlu duit untuk pergi, nak beli barang semua perlu duit. Pada masa tersebut, antara teknik saya tidak pasti orang sekarang buat atau tidak buat you all [awak semua] lah sudah kaya sedikit (ketawa) tidak perlu untuk meminta-minta kan (ketawa). Kami dulu [dahulu], ini cadangan daripada orang kampung. Orang kampung dulu bukan lah kaya-kaya semuanya, dia kata kita buat jamuan makan dan jamuan makan itu adalah sedikit sebanyak kita tampung duit itu. Makan paling murah pada masa itu adalah laksa --- Laksa Kelantan ya bukan Laksa Penang [Pulau Pinang] (ketawa) dan orang kampung mari [datang] dan hulurkan duit dan dapat lah In Shaa Allah dekat seribu [satu ribu], dua ribu jugak lah kita dapat untuk menampung pelajar dan sebab itu lah saya kalau memikirkan berkaitan orang kampung ini saya rasa sedih sedikit lah (sebak) saya memang berhutang budi dengan orang kampung (menangis). Minta maaf ya jadi sensitif sikit (ketawa).

MZ : Kami juga dapat merasakan perkara yang sama apabila Dr menceritakan perkara tersebut. Boleh ya Dr saya teruskan dengan soalan yang seterusnya?

SA : Okay [baiklah], sila sila.

MZ : Mengenai latar belakang pasangan dan juga anak-anak Dr sendiri, jikalau Dr tidak keberatan bolehkah Dr ceritakan sedikit tentang pasangan Dr dan juga anak-anak Dr sendiri?

SA : Okay [baiklah], terima kasih. Dia macam bercerita saya punya timeline [perjalanan hidup] saya lah kan?

MZ : Ya (mengangguk)

SA : Selepas daripada saya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya duduk dekat rumah sekejap. Pada masa tersebut, saya jual tulisan Khat sebab itu saya kata tulisan Khat itu memang saya lukis atas kertas. Kalau saya beli dia punya pinggan kertas itu, kalau gi [pergi] ke Supermarket [Pasar Raya] yang bekas untuk party [pesta] yang ada bunga-bunga itu kan, saya tulis atas itu tulisan Khat dan saya jual dengan harga 50

sen. Pada masa saya tingkatan 4, tingkatan 5 masa saya duduk asrama itu saya boleh dikatakan setiap dorm [bilik asrama] ada tulisan saya dan orang membeli (ketawa). Ore [orang] beli saya punya dan daripada duit itu saya kitar dan saya gunakan untuk beli pinggan itu. Beli pinggan itu dalam satu paket [bekas] itu dalam 20 dan harga saya tidak ingat dalam 6 Ringgit, 7 Ringgit macam itu lah dalam 20 itu. Saya tulis apa semua itu dan saya jual 50 sen dapat untung dapat. Itulah kisah yang itu. Selepas daripada SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya (mengingat) selepas saya tunggu, saya jaga emak saya dan emak saya meninggal dan lebih kurang dalam sebulan [1 bulan], 2 bulan juga lah saya duduk dengan adik dan sepupu seorang lagi yang duduk bersama dengan saya sebab pada masa tersebut abang saya ada yang dah masuk ke Maktab dan ada yang dah bekerja. Hok [yang] dah bekerja, yang sulung dah masuk bekerja di Terengganu, Felcra [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan], yang ke 3 juga cikgu, yang ke 2 dia kerja sebagai pelukis pelan tetapi apabila dia berkahwin dia duduk rumah, di rumah yang lain bersama suami dia di dekat Kelantan juga. Setelah kematian ibu saya itu, saya buat kerja itu [kerja menguruskan sawah padi] sekejap, lepas itu saya bantu kakak saya. Kakak saya sebelum ini bekerja dekat syarikat, oleh kerana suami dia kerja kerajaan dan mintak supaya duduk jadi suri rumah. Jadi untuk tampung itu, dia menjual air. Air batu ini, (menerangkan) air batu kacang semua itu kan saya bantu untuk jual air batu kacang. Pada masa itu pun dalam proses untuk masuk ke U [Universiti] lah. Saya pun dapat good grade [keputusan cemerlang] jugak lah, Alhamdulillah Allah Taala tolong saya dapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Dulu orang panggil aggregate [agregat], agregat 13 saya dapat. Agregat 13 itu, dia bukan nak puji diri tetapi kalau 13 itu orang kampung akan nanye nanye [bertanya] lah. Saya bahasa timangan saya orang panggil PokLi [Suhazeli], orang Kelantan ini Pok [Pak] ramai, Suhazeli ini PokLi [Suhazeli] lah. Jadi orang akan tanya "PokLi dapat berapa?". Masa itu dipanggil Gred A lah, Gred A ini antara kurang daripada 16 ke atau kurang daripada 20 saya sudah tidak ingat dia punya itu dia punya gred itu kan. Jadi, saya dapat lebih kurang 13, kira good grade [keputusan cemerlang] juga lah 13 itu walaupun tidak dapat 9 tetapi dapat 13 okay [baik] lah. Zaman dahulu dia tidak ada sistem UPU [Permohonan Kemasukan Pelajar], dulu kita kena beli paper [surat khabar] surat khabar. Berita Harian, Utusan kita kena tengok bila dia kata sudah keluar sudah dia punya borang itu di paper [surat khabar]. Dia UPU [Permohonan Kemasukan Pelajar] jugak tetapi bukan dalam bentuk online [atas talian]. Pada masa itu komputer tidak kenal pun, saya belajar komputer pada masa tingkatan 4 itu pun di sekolah masih lagi menggunakan MS-DOS [Microsoft Disk Operating System] yang code [kod] dia 0101 saya belajar 0101 --- itu dia punya masa itu pun saya gunakan Microsoft 301 [aplikasi] tidak Microsoft Words [aplikasi] macam

sekarang ini. Microsoft 301 [aplikasi] itu memang menggunakan DOS [Disk Operating System] pada masa tersebut. Kita kena masukkan DOS [Disk Operating System] dulu, kena Enter the DIR slash enter [proses Disk Operating System] baru masuk. Pahtu [lepas itu] baru nak pergi ke program apa slash [arahan program] masuk program apa pada masa itu. Baik, mengarut pulak saya cerita sampai berkaitan yang tidak sepatutnya pula tetapi nanti you [awak] olah dan ulas awak punya ayat dalam penulisan itu nanti. Baik, masuk USM [Universiti Sains Malaysia], masuk Matrikulasi dan aims [impian] saya ialah memang untuk medic [perubatan]. Alhamdulillah, dapat medic [perubatan] 5 tahun perubatan. Panjang nak memberitahu sebelum saya nak bercerita berkaitan dengan family [keluarga] ini. Berkaitan macam mana saya boleh jumpa dengan seorang gadis yang bernama Khadijah Musa [isteri Dr Suhazeli]. Masa itu kita belajar di Universiti, kita tidak ada Whatsapp [aplikasi] ---, tidak ada Facebook [aplikasi] --- (ketawa), tidak ada Twitter [aplikasi] ---, kita hanya kenal berdepan. Itu orang kata cinta pandang pertama itu (ketawa), kita berdepan sebab Khadijah Musa ini dia senior [pelajar lebih lama] daripada saya. Senior [pelajar lebih lama] 2 tahun dan ya lah kita kan di Universiti yang sama, dia punya asrama pun sebelah menyebelah so [jadi] sentiasa tersetempak lah walaupun tidak bercouple [bercinta] tetapi sentiasa tengok-menengok lah, jeling-menjeling lah dan disitu pun kita ada kumpulan, saya ini sentiasa dalam golongan islamik, kita ada usrah, kumpulan dan sebagainya. Biasanya dia akan cuba untuk matching [padankan] lah awak dengan ini, orang ini dengan orang ini matching [padankan]. So, takpa lah [jadi, tidak apa lah], saya pun nampak si dia ini gadis yang cantik, ada adab, ada budi terus pada tahun ke 4 saya terus melamar. Ha [ya], melamar dia lah. Melamar bukan Whatsapp [aplikasi] ni (ketawa), kita aturkan pertemuan dengan seorang senior [pelajar lebih lama] yang sudah kahwin, kita aturkan pertemuan dan memberitahu hasrat hati kita mahukan dia. Pahtu [Selepas itu], kita punya sistem dahulu, kita tidak ada telefon dulu. Kita hanya menggunakan sistem kertas sahaja so [jadi] kita put [letak] kertas itu dekat mana yang dia akan baca surat cinta kita (ketawa) pecah rahsia zaman dahulu. Selepas itu, Alhamdulillah dia pun bersetuju maksudnya saya punya tangan ini tepuk bersambut lah bukannya bertepuk sebelah tangan lah ha [ya] bersambung dan Alhamdulillah dia punya emak mertua saya pun mari [datang] tengok saya dan saya kahwin pada masa tahun ke 4. Tidak habis lagi medic [perubatan] dan masa itu isteri saya bakal itu dia sudah hampir nak habis sudah. Dia tahun ke 5 sudah dan dia buat housemanship [Doktor pelatih] di USM [Universiti Sains Malaysia] dekat situ juga. Jadi, kahwin dan saya antara orang panggil rezeki kahwin --- sebab seperti yang saya sebutkan awal tadi memang saya orang susah dan sebagainya dan Alhamdulillah bila masuk USM [Universiti Sains Malaysia] saya dapat biasiswa, masuk medic [perubatan] pun dapat

biasiswa medic dan apabila masuk final year [tahun akhir] adalah satu final year [tahun akhir] yang agak struggle [susah] lah untuk lulus perubatan. Di sini saya dapat support [sokongan] daripada isteri saya dan dia pun pada masa itu sudah bekerja dan di asrama pada masa itu, ceritakan sedikit dia krisis --- bukan apa tidak cukup tempat untuk student [pelajar] untuk duduk asrama. Tidak cukup asrama dan saya memang orang yang mempunyai rezeki yang tinggi, saya duduk sekali dengan isteri saya sebab dia ada kuarters khusus untuk houseman [Doktor pelatih], saya memang kiranya hebat juga lah (ketawa) pada masa itu sebab dapat kuarters. Orang lain duduk asrama, dia duduk kuarters houseman [Doktor pelatih] ini sebilik seorang (ketawa) bukan duduk ramai-ramai jadi ini antara rezeki yang saya dapat lah. Dapat anak pertama masa itu saya baru final year [tahun akhir] dapat anak pertama, lepas itu isteri saya dapat pindah ke Terengganu untuk meneruskan Pegawai Perubatan di Terengganu dan saya rasa lebih kurang dalam 6 bulan atau pun setahun lebih kurang yang berpisah sekejap sebab saya masih belajar, isteri bekerja di Kuala Terengganu dan anak sulung saya pun dijaga oleh beliau dan selepas saya habis exam [peperiksaan] untuk final year [tahun akhir], saya dapat houseman [doktor pelatih] di Terengganu. Bertaut kembali di Terengganu dan sepanjang kerja saya tidak lari daripada Terengganu lah. Sekejap di Sabah sebab itu lah syarat sebagai pakar. Saya pakar pada tahun 2004, saya bekerja di Terengganu 1997. Selepas itu saya buat Master [Ijazah Sarjana] tahun 2000, tahun 2004 itu saya habis Master [Ijazah Sarjana]. Selepas pada tahun 2004 itu, saya berkhidmat di sekitar Terengganu juga di pelbagai daerah lah di Setiu, Maran. Selepas di Maran itu, syarat daripada Kementerian untuk dipanggil kiamat wajib di Sabah. So [jadi], saya buat khidmat wajib di Sabah 6 bulan pada tahun 2013 seingat saya 2013 macam itu lah. Selepas itu, saya balik dan balik ke Terengganu juga, balik awal di Kemaman, selepas itu pindah ke Dungun dan sekarang ini pindah di Hulu Terengganu dekat dengan rumah saya. Dimana isteri saya selepas daripada menjadi Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kuala Terengganu, dia sempat menjadi Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Batu Rakit area [kawasan] Kuala Terengganu lah dekat dengan Kuala Nerus area [kawasan] sana. Dia duduk situ, selepas itu dia resign [berhenti] pada 1999. Resign [berhenti] pada tahun 1999 itu dia join [masuk] Swasta di Kuala Berang tempat saya duduk sekarang ini lah. Pada tahun berikutnya, saya join Master [ambil Ijazah Sarjana], masuk Family Medicine [Perubatan Keluarga] di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]. Masa itu, di Universiti Kebangsaan Malaysia adalah PJJ [Pendidikan Jarak Jauh] maksudnya kita boleh buat di Hospital Kuala Terengganu dia punya jarak jauh Cuma ambil exam je [peperiksaan sahaja] di Universiti Kebangsaan Malaysia. Alhamdulillah, pada masa sekarang ini pun ada sistem PJJ [Pendidikan Jarak Jauh] itu. Akhirnya pada tahun 2004 saya lulus dan menjalani pakar

tahun 2004 sampai sekarang lah dalam pelbagai tempat. Dari tempoh bermula daripada 1996 sampai sekarang ini saya dikurniakan 5 orang anak yang kecil [bongsu] sekarang ini baru tingkatan 2 di sekolah dekat dengan rumah saya sekarang ini dan menetap sekarang ini di Kuala Beran sebab selepas isteri saya resign [berhenti] join [masuk] Swasta di Kuala Beran terus berkhidmat di Swasta Kuala Beran dan beli tanah buat rumah di Kuala Beran lah sampai sekarang ini lah. Itulah sedikit sebanyak, panjang saya punya cerita itu. Nak suruh complete [sepenuhnya] tidak terhenti setakat Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Universiti dan sebagainya (ketawa) dan alam perkahwinan. Mungkin ada yang saya tertinggal?

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL

MZ : Tidak ada Dr. Baiklah Dr, tadi selesai sudah untuk Bahagian A tentang latar belakang Dr. Seterusnya, kita akan teruskan dengan Bahagian B mengenai sejarah pendidikan awal. Tadi, kalau ikutkan Dr banyak bercerita tentang sejarah pendidikan awal sewaktu zaman sekolah Dr daripada Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Jadi, soalan saya. Apakah perkara yang paling menarik dan masih Dr ingat sampai sekarang yang berlaku pada zaman persekolahan Dr dahulu seperti kenangan pahit atau pun kenangan manis yang berlaku sewaktu zaman persekolahan?

SA : Banyak kenangan itu (senyum), kalau nak kata pahit itu boleh kata pahit tetapi kalau fikir balik jadi manis (ketawa) --- sebab saya ini di antara orang yang boleh dikatakan suka mengacau [menggangu] orang lah. Kacau bukan apa, mengusik orang biasalah you all [awak semua] pun begitu juga kan? Suka mengusik orang, jadi mengusik macam-macam. Kita biasanya dekat sekolah itu, yang saya paling ingat adalah (mengingat) masa ini seingat saya darjah 6 --- pada masa tersebut oleh kerana kelas pun tidak ada sangat darjah 6 sebab kita Penilaian Darjah 5 ya kan. Jadi, saya panggil geng-geng [kumpulan] saya yang laki-laki [lelaki] ini tepi sekolah saya itu ada sungai, ha [ya] pergi mandi sungai (ketawa) masa itu memang kena marah lah. Cikgu yang itu Cikgu Nordin lah, dia siap cubit kita lah (ketawa) kutey [cubit] kita sorang-sorang [setiap orang] semua itu tetapi itu kita kata pengalaman pahit tetapi fikir-fikir balik jadi manis pulak kenangan-kenangan itu kan pada darjah 6. Sekolah menengah tidak banyak sangat yang saya itu kecuali kenangan saya di asrama lah. Asrama ini saya jadi Pengawas Asrama Aspura --- masa itu saya memang kalau ikut perwatakan saya ini awak boleh expect [jangkakan] saya ini memang Mat Surau [panggilan] lah. Jadi, pagi-pagi saya akan kejutkan orang untuk bangun, Adzan pun saya apa semua itu saya dan saya cukup [tangkap] orang hisap rokok [menghisap rokok], orang tidak pergi prep [aktiviti asrama] saya tangkap. Maksudnya, dari segi saya ini macam seolah-olah nak ganti Cikgu Disiplin pula tetapi itu lah tangkap orang apa semua itu jadi kadang-kadang berlaku dia yang paling pahit di sekolah menengah itu apabila keluar asrama biasanya geng-geng [kumpulan] kumpulan-kumpulan yang tidak puas hati dengan saya ini, pada malam akhir sebelum cuti akhir --- depa [mereka] cari saya nak katok [pukul], pukul saya (senyum). Saya tidak ingat, saya masa itu menusuk [menyembunyi] dekat mana taktahu [tidak tahu], saya pergi kelas seingat saya. Saya pergi kelas, saya sembunyi dalam kelas jadi orang tidak jumpa saya dekat mana dan ada lah dia sempat merosakkan barang-barang lain lah --- cermin pecah apa semua sebab dia penghuni asrama ini dia ada colleague [rakan] dia, rakan-rakan yang samseng ini ada tetapi

mungkin, sekarang ini saya tengok colleague [rakan-rakan] ini pun nampak sekarang ini pun dah berjaya dah. Duk [ada] contact [berhubung], ada dua, tiga orang contact [berhubung] dengan saya dan sebagainya mengingat balik kenangan masak kecil dulu, masa sekolah rendah, menengah dahulu macam mana kan tetapi sekarang ini dah jadi orang Alhamdulillah. Saya tidak tahu you all [awak semua] pengalaman macam mana? (ketawa) Zaman Gen-Y dengan Gen-X [Generasi Y dan Generasi X] ini berbeza dengan zaman dahulu kot.

MZ : Kalau ikutkan itu, lebih kurang sama sahaja Dr (senyum). Okay [baiklah] Dr, soalan seterusnya. Sepanjang sekolah rendah dan sekolah menengah Dr kan, pernahkah Dr mendapat apa-apa anugerah dan adakah Dr seorang pelajar yang aktif dari segi ko-kurikulum atau pun kurikulum?

SA : Untuk sekolah rendah, tidak banyak sangat. Sekolah menengah pun tidak banyak sangat. Saya ini adalah nak kata good very good student [pelajar cemerlang] tidak juga average [setara] sahaja. Kalau dalam kelas, saya 5 Sains 1 [nama kelas] saya di antara yang tercorot di belakang di antara nombor 30, 32 daripada 35. Sekelas [satu kelas] 35 dahulu, saya antara yang tercorot belakang gitu [begitu] lah 5 Sains 1. Maksudnya, ada lagi yang hebat-hebat, yang straight [terus] dapat A dan sebagainya. Nak [mahu] kata dapat anugerah hebat itu tidak ada juga lah, kalau untuk di sekolah rendah nak kata anugerah pun tidak juga tetapi saya ini di antara Top 5 [5 terbaik] lah --- yang saya kata tadi lah apabila Penilaian Darjah 5 memang 5 orang ini lah yang Cikgu pun spot [jangkakan] 5 orang ini lah. Kami pun sebenarnya berhubung dalam group [kumpulan] sekali 5 orang ini yang bekerja --- seorangnya sudah bekerja sebagai Kontraktor, seorang lagi bekerja sebagai (mengingat) Pegawai --- dia lulusan Law [undang-undang] tetapi dia bekerja dekat Kementerian Integriti itu seorang, seorang lagi perempuan Doktor juga macam saya ambil juga Family Medicine [Perubatan Keluarga] macam saya seorang lagi dan seorang lagi bekerja sebagai Pembantu Perubatan dan seorang lagi itu bekerja (mengingat) sebagai saya tidak ingat tetapi pejabat juga lah kot [mungkin] seorang lagi itu. Itulah di antara darjah 1 sehingga darjah 6 di antara yang Top 5 [5 terbaik] itu adalah kita lah dan kami di antara pencapaian-pencapaian ini bersilih ganti untuk naik ke pentas sebab setiap tahun dia ada penyampaian hadiah akhir tahun kan? You all [awak semua] sekarang ini ada lagi tidak penyampaian hadiah ini? Ada kan?

MZ : Ada, mesti ada (tersenyum).

&

LH

SA : Jadi, siapa yang dapat nombor 1, nombor 2, nombor 3 akan naik pentas, terima hadiah daripada Cikgu Besar atau pun VIP [orang kenamaan], glamour [terkenal] lah pada masa itu kan? Jadi, saling silih bertukar lah kadang-kadang saya, kadang-kadang orang itu macam itu jelah [sahaja lah]. Yang benda lain tidak ada apa hebat sangat kot. Wallahu a'lam.

MZ : Baiklah Dr, soalan seterusnya sebagai seorang pelajar kita mesti ada satu subjek yang paling kita minati dan ada satu subjek yang pada kita rasa macam susah untuk kita faham maybe [kemungkinan] sukar untuk diminati. Then [kemudian], soalan seterusnya saya mahu tanya juga sebagai seorang pelajar pada waktu zaman persekolahan mesti kita mempunyai seorang kawan baik dan apakah kenangan manis dan pahit Dr bersama kawan baik Dr?

SA : Okay [baiklah], terima kasih. Ini --- nak di sekolah menengah ke atau dekat Universiti ni [ini]? Saya tidak pasti mana satu ini.

MZ : Pada waktu sejarah pendidikan awal lah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

SA : Pada waktu sekolah rendah, sekolah rendah itu saya ada 3 kawan yang baik lah. Yang saya kata sekarang ini Lawyer [Peguam] yang bekerja di Kementerian Intergriti itu lah dengan seorang lagi dia bukan batch [kumpulan] kami tetapi batch junior [kumpulan junior] setahun. Dia duduk dekat dengan rumah saya lah sebab area [kawasan] dekat rumah saya. 3 sekawan ini biasanya kalau nak pergi tangkap ikan ke, nak pergi ke bendang ke, saya akan panggil 2 orang ini "Jom kita pergi lastik burung", "Jom kita pergi tangkap ikan", "Jom kita pergi mandi sungai". Saya pun belajar basikal zaman dahulu tiada moto [motosikal] apa, belajar basikal dengan dua, tiga orang ini lah saya belajar basikal. Basikal dahulu dia jenis ada galang [pemegang tengah basikal] tengah itu. Kita tidak sampai nak naik atas itu kan, jadi kita pegang dia punya itu kita kayuh (membuat pergerakan) basikal macam itu. Kita belajar melalui situ lah. Jadi, dua orang tiga orang ini sahaja lah yang duk [selalu] main game [permainan] ka apa dua, tiga orang ini sahaja lah yang duk [selalu] mainnya tiada orang lain. Untuk sekolah menengah, tiada yang special [istimewa], kawan saya tiada yang special [istimewa]. Kalau dekat Universiti ada yang istimewa maksudnya yang selalu bersama dengan kita lah ke kelas dan sebagainya tetapi itu pun tidak ada kenangan yang manis

sangat lah just [Cuma] kawan untuk study [belajar] dan sebagainya. Mata pelajaran yang paling saya minat masa tingkatan sekolah tingkatan adalah Add Math [Matematik Tambahan]. Saya memang minat sangat dengan Add Math [Matematik Tambahan] sebab dia boleh apply [digunakan] --- seingat saya dia punya apply [digunakan] macam mana kita nak ukur satu isipadu di dalam gelas dan kita nak estimate [anggarakan] berapa tinggi dan berapa lebar. Jadi, apply [digunakan] Add Math [Matematik Tambahan] pada masa itu kan kita menggunakan apa saya tidak ingat Camilan [rumus] yang ada function [fungsi] apa semua itu tetapi sekarang ini dok ingat laka dah [sudah tidak ingat] benda itu (ketawa). Masa itu memang saya agak hafal lah dia punya (mengingat) --- formula itu satu persatu itu yang Camilan [rumus] apa semua itu sebab itu lah saya dapat A Add Math [Matematik Tambahan] minat sangat. Cikgu dia pun bagus, saya ingat lagi Cikgu dia nama Ismail Ghaniman --- ini Cikgu bagus lah dia yang mengajar Matematik Tambahan. Itulah, okay [baiklah].

MZ : Baiklah Dr, seterusnya kita akan pergi ke soalan Institusi Tinggi. Bolehkan Dr bercerita pula tentang zaman Dr ketika memasuki Institut Pengajian Tinggi? Contohnya seperti kursus apakah yang diambil oleh Dr? Pada tahun berapakah pengajian tersebut bermula? dan pada tahun berapakah tamatnya pengajian tersebut?

SA : Okay [baiklah], saya memasuki Matrikulasi di SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah] Taiping, Perak. Dipanggil SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah]. Itu merupakan kali pertama saya keluar daripada negeri, belajar luar negeri lah ini maksudnya (ketawa) keluar daripada negeri Kelantan ke Perak. Kenangan pada masa tersebut, abang saya yang kedua, abang sulung saya bekerja dekat FELCRA [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan] abang yang kedua itu dia Cikgu, dia yang hantar saya naik bas. Pada masa itu, tidak ada kereta apa semua itu kita naik bas malam sampai di Taiping. Sampai di Taiping itu singgah dekat dengan Stesen Bas Larut Matang kot dipanggil waktu subuh. Subuh pada masa itu dan Taiping antara bandar sejuk pada masa tersebut dan pagi itu kita cari tempat untuk sembahyang, Alhamdulillah ada Masjid. Tidak ingat Masjid itu nama apa, ada lah orang tunjuk Masjid itu. Saya tengok ke arah Timur, saya tengok ada lampu dekat bahagian atas, saya fikir apadia [apa benda] lah dekat atas ini . Fikir-fikir tak temu [tidak jumpa] lampu apa dekat atas nak kata bintang tapi bukan bintang tapi lampu kat atas itu. Lepas itu, lepas subuh itu baru saya tengok rupa-rupanya bukit. Bukit Larut, Taiping kan ada Bukit Larut. Bukit Larut atas itu ada pemancar, ada orang duduk lah dekat atas Bukit Larut itu dan saya ingat saya pernah buat hiking [mendaki] sekali semasa saya di Matrikulasi itu. Sekolah SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja

Tun Azlan Shah] itu adalah sekolah di kaki Bukit Larut. Saya rasa kenangan manis yang banyak adalah banyak di SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah] sebab kita bagi pelajar-pelajar Matrikulasi ini dia macam Cream of the cream [paling terbaik]. Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah ini sekolah berasrama penuh yang tingkatan 1, tingkatan 5 itu memang sudah lama duduk situ tetapi kita ini Matrikulasi ini macam tingkatan 6 lah dekat situ. Jadi, dalam tempoh setahun itu jadi memang kita jadi seolah-olah kita ini dijadikan sebagai pemimpin, kita dijadikan sebagai idola dan kalau di Masjid itu saya sebagai Imam dan sebagainya. Cikgu-cikgu, Cikgu Besar mengharapkan kita sebab dikira consider [dipertimbangkan] sebagai orang dewasa dan orang tua. Jadi boleh lead [mengetuai] dan sebagainya di SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah] dan dari segi sukan, persatuan kita lead [mengetuai] lah di situ. Setelah setahun disitu, saya memasuki USM [Universiti Sains Malaysia]. Dia Matrikulasi pada masa itu, Matrikulasi 1 dan Matrikulasi 2. Matrikulasi 1 di Sekolah berasrama penuh SERATAS [Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah], Matrikulasi 2 di MINDEN USM [MINDEN Universiti Sains Malaysia] di Penang [Pulau Pinang]. Setahun saya di situ memasuki alam Universiti tidak perlu sudah pakai baju seragam sekolah, tidak perlu sudah pakai kasut warna hitam. Maksudnya, kita sudah macam bebas sikit lah masuk Universiti sana dan berada di dalam suasana Universiti di dewan-dewan kuliah dan sebagainya. Alhamdulillah, selepas daripada itu saya apply [mencuba] untuk masuk Medic [perubatan]. Masa itu dia buka Medic [perubatan] luar, masa itu ada interview [temu duga] untuk medic [perubatan] ke luar dekat UK [United Kingdom] dan US [United States] lah pada masa itu dan saya masuk ke temu duga itu tetapi oleh kerana saya punya English [Bahasa Inggeris] saya itu tidak berapa nak fluent [lancar] sangat jadi mungkin dia tidak berapa fasih sangat. Dia punya --- temu duga dalam Bahasa Inggris lah. Jadi, saya tidak ada rezeki lah untuk ke UK [United Kingdom] dan ada hikmahnya juga kan. Last [akhir] sekali, saya dapat peluang untuk ke USM [Universiti Sains Malaysia] untuk sambung dari segi perubatan. Tahun saya itu adalah tahun yang pertama perubatan Tahun 1 bermula di Kubang Kerian. Sebelum ini perubatan di USM [Universiti Sains Malaysia] Tahun 1, 2 dan 3 dibuat di Penang [Pulau Pinang]. Tahun clinical [praktikal] sebab perubatan ini dia ada clinical year [tahun praktikal] dengan non clinical year [tahun tidak praktikal]. Jadi, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 ini adalah dipanggil teori punya part [bahagian] dia tidak perlu ke Hospital, tidak perlu berjumpa patient [pesakit] lebih ke arah Anatomy [tubuh badan], Physiology [Perubatan Fisiologi] dan semua lah dan sebagainya yang boleh diajar di dewan kuliah. Tahun 4 dan 5 adalah tahun clinical [praktikal], jadi apabila tahun itu baru kena jumpa patient [pesakit], kena clerk patient [pemeriksaan pesakit], examine patient [pemeriksaan

fizikal] dan sebagainya. Jadi, pada masa tersebut Universiti menetapkan bahawa semua Pelajar Perubatan cawangan dia adalah Kelantan, Kubang Kerian jadi sudah tidak ada lagi di MINDEN USM [MINDEN Universiti Sains Malaysia] sudah tidak ada lagi di Pulau Pinang. Jadi, saya adalah antara tahun pertama lah memulakan Tahun 1 sehingga Tahun 5 adalah semua di Kubang Kerian. Alhamdulillah, saya memasuki pembelajaran perubatan di Kubang Kerian dan saya pun bukan antara yang top [terbaik] antara average [setara] juga. Kadang-kadang bukan average [setara] pun, saya ada lah 2,3 kali failed [gagal] dalam beberapa block [wad khusus]. Blok ini macam, apabila kita belajar dia ada blok untuk disiplin kanak-kanak Pediatric [blok kanak-kanak], dia ada blok untuk mata dia dipanggil Blok Disiplin Mata. Jadi, saya seingat saya dalam 1 atau 2 blok saya memang gagal dan di sana kalau gagal dia tidak boleh cuti. Jadi, saya tidak cuti. Dia akan ambik sebagai remedial [pemulihan]. Maksudnya orang lain cuti dekat dengan sebulan atau pun 2 minggu cuti saya terpaksa lagi meneruskan belajar dan ambil exam [peperiksaan] atau resit exam [peperiksaan ulangan]. Alhamdulillah, lepas sudah lulus. Sama juga dengan final year [tahun akhir], untuk tahun akhir saya masuk peperiksaan tahun akhir dan saya gagal tahun akhir dan dibenarkan untuk resit exam [peperiksaan ulangan] 6 bulan. Seingat saya, saya dan geng [kawan] saya 6 orang semua tidak lulus. Masa itu saya ingat dia punya kenangan, Dekan pada masa tersebut pandai juga, taktik dia isytiharkan dia memberitahu result [keputusan]. Dia kata, nama yang dipanggil ini adalah lulus peperiksaan tahun akhir perubatan. Jadi, pada masa itu lebih kurang seratus enam puluh orang [167 orang], seingat saya (sudah lupa) tetapi lebih kurang seratus lebih lah. Dia panggil seorang-seorang, kita dah 5 tahun jadi kita tahu dekat mana nama kita sebab dia ikut abjad (ketawa). Dia tidak ikut yang mana the best [terbaik]. Dia ikut abjad, bermula dari huruf A, B, C sampai habis. Dekat S, T [abjad] itu, nama kita tidak ada (ketawa). Jadi, bagi orang yang tidak concern [ambil berat] dia tidak tahu siapa yang ada, siapa yang tidak ada. Dia hanya nak tahu nama dia sahaja. Taktik Dekan pada masa itu bagus juga, lepas itu balik ke asrama baru lah tahu dia ini gagal – sebab semua dah bercakap tetapi ada hikmahnya juga. Hikmahnya, saya dapat belajar lebih, ya itu sahaja lah (tersenyum) walaupun orang lain sudah masuk kerja 1996 ada yang sudah masuk kerja. Saya masuk 6 bulan lewat 1997, saya masuk kerja lewat dan saya belajar lebih dan saya berazam di situ yang saya mahu sambung belajar, saya mahu sambung lagi. Setelah masuk alam pekerjaan, lebih kurang dalam 3 tahun. Tahun 1997 (mengira) tahun 2000 lah saya masuk Master [Ijazah Sarjana]. Alhamdulillah, saya masuk Ijazah Sarjana itu boleh katakan terus saya habiskan Ijazah Sarjana saya 4 tahun kecuali tahun akhir ada juga lack [kekurangan] 6 bulan sebab saya ada thesis [tesis] yang tidak siap dan kebanyakan daripada Master [Ijazah Sarjana] memang

macam itu. Alhamdulillah, lepas daripada itu dapat pula keluar dan memberikan khidmat kepada masyarakat. Sebenarnya, pengajaran yang kita boleh ambil dalam ini untuk awak semua lah walaupun nak sebut dalam penulisan atau pun tidak tetapi pengajarannya adalah jangan pernah berhenti daripada belajar. Jangan ingat bahawa jika awak gagal, awak akan gagal selama-lamanya tetapi perlu ingat juga bahawa jika awak gagal, tidak semestinya awak tidak akan gagal lagi. Maksudnya, peluang untuk gagal lagi masih ada (ketawa) tetapi gagal itu (nada tegas) akan memberikan satu pengajaran bagi kita untuk terus matang dalam kehidupan. Tidak semestinya apabila kita gagal itu, kita tidak boleh hidup. Kita masih boleh hidup, dan tidak semestinya kalau lah kita gagal contohnya mungkin orang gagal dalam perubatan, tidak ambil perubatan. Mungkin dia, cemerlang dalam bab lain. Mungkin dia tidak cemerlang dalam perubatan dan sebagainya. Maksudnya, Allah Subhanahu wa Ta'ala itu letakkan kita ini cukup untuk dengan rezeki yang kita ada. Cuma usaha daripada kita itu penting dan jangan putus asa.

MZ : Terima kasih Dr, di atas satu nasihat yang boleh diguna pakai oleh kami berdua dan orang lain. Terima kasih di atas nasihat tersebut. Jadi, soalan saya yang seterusnya. Adakah bidang perubatan ini merupakan satu pilihan utama bagi Dr atau pun sebaliknya?

SA : Ya, seperti yang saya sebutkan tadi lah. Saya bermula daripada saya menjaga emak saya, saya menanamkan azam untuk menjadi Doktor berserta dengan harapan yang telah pun dinyatakan oleh saya punya family [keluarga] lah. Kakok [kakak] saya, abang saya dan juga dalam masyarakat kampung pun dia nampak saya ini berpontensi untuk jadi Doktor. Jadi, saya memegang harapan itu dan saya garap [mengerjakan] dan In Shaa Allah saya terus berjaya jadi Dr, Alhamdulillah. Saya sambung lagi untuk menjadi pakar. Dalam bab pakar ini, saya sendiri pun waktu nak ambil pakar dahulu pun saya berkira-kira [berfikir] juga nak ambil pakar apa. Saya dari segi minat, saya minat O&G [Obstetrik Dan Ginekologi], sakit puan. Seinggakan, saya dekat Hospital Sultanah Nur Zahirah itu saya duduk posting [praktikal] yang paling (membetulkan kopiah) lama adalah praktikal O&G [Obstetrik Dan Ginekologi]. Praktikal Obstetrik Dan Ginekologi itu adalah yang terakhir. Maksudnya, kita ada rotation [putaran] praktikal perubatan. You all [awak semua] tahu tidak ini, maksudnya kita mempunyai latihan semasa houseman [dokter pelatih] itu, masa tempoh latihan siswazah itu kita kena masuk di Wad Perubatan, kita kena masuk Wad Pembedahan, kita akan masuk ke Wad Kanak-kanak dan kita akan masuk ke Wad Sakit Puan, ibu hamil dan berkaitan dengan sakit

puan. Saya masuk praktikal yang pertama adalah perubatan, diikuti oleh (mengingat) sudah tidak ingat saya (selawat) Pediatric [Wad kanak-kanak] macam itu lah sudah tidak ingat saya tetapi yang lama adalah saya praktikal terakhir adalah praktikal O&G [Obstetrik Dan Ginekologi]. Saya memang pada masa itu saya berazam saya mahu buat Obstetrik Dan Ginekologi. Saya memang minat dalam infertile [kesuburan] dalam kesuburan memang minat dalam bidang itu. Saya memang plan [rancang] nak buat Obstetrik Dan Ginekologi tetapi semasa memohon untuk Ijazah Sarjana, saya tanya lah senior [orang yang lebih lama], saya tanya kawan-kawan dan saya tanya Head Department [Ketua Jabatan] atau Ketua Jabatan nama dia Doktor Tajudin, pencen sudah lama. Dia ini adalah kiranya antara yang senior [orang yang lebih lama], yang respected person [orang dihormati] lah dekat dengan Hospital Sultanah Nur Zahirah pada masa tersebut. Nama pada masa itu bukan Hospital Sultanah Nur Zahirah tetapi masa itu nama dia HKT [Hospital Kuala Terengganu]. Dia adalah Head Department [Ketua Jabatan] untuk Unit pathology [Unit Patologi] dan saya pernah belajar dengan dia bagaimana untuk membuat forensik [bedah siasat] untuk buat bedah mayat, saya pernah belajar dengan dia. Masa itu, bedah mayat itu kes orang Jepun mati lemas dekat Pulau Redang saya ingat macam itu lah. Jadi, apabila mari [datang] mayat itu, "Okay [baiklah], Suhazeli buka" (melakonkan). Macam mana ini, Doktor, saya dok [tidak] pandai. "Takpe [tidak mengapa], saya ajar" (ketawa). Jadi, dia belah [membelah] otak ini guna dia punya alatan. Pada masa itu, memang pengalaman betul lah dengan kita panggil Doktor Tajudin. Saya tanya dia, saya ini mahu buat Ijazah Sarjana "elok apa?". Doktor Tajudin " You [awak], minat apa?". Saya kata saya minat [Obstetrik Dan Ginekologi].] dan dia pun tengok saya lah kan. Dia kata " kalau tengok ke you [awak] ini, tidak sesuai (melakonkan). Tidak sesuai bukan apa sebab saya perwatakan saya pakai kopiah daripada awal kopiah macam ini (menunjukkan kopiah di kepala), janggut islamik. Tidak sesuai dengan janggutnya dengan kopiahnya lepas itu tiba-tiba (ketawa) nak periksa [pemeriksaan] orang perempuan. Dari segi syariat apa semua itu sudah islamik tetapi saya minat, tidak apa lah dan antara cadangannya awak ambil semua disiplin yang boleh cover [meliputi semua] iaitu Family Medicine [Perubatan Keluarga]. Masa itu sudah ada beberapa orang yang lebih lama yang telah ambil Perubatan Keluarga yang mengambil PJJ [Pengajian Jarak Jauh] yang ada di Hospital tersebut 2,3 orang. Saya tengok, baik juga macam ini. Kita masuk balik dia punya disiplin perubatan, kanak-kanak, disiplin tulang dan disiplin Obstetrik Dan Ginekologi itu sendiri dan kita belajar semua. Okay [baiklah], juga macam ini, jadi saya pun memohon untuk buat Perubatan Keluarga. Pada masa tersebut, cerita manis juga saya terlepas temu duga. Temu duga untuk Perubatan Keluarga ini saya terlepas. Saya tidak pasti kenapa terlepas tetapi kawan-kawan saya lebih kurang enam belas

orang, masa itu nama saya ada tetapi kenapa tidak pergi. Saya kata saya tidak tahu, mungkin pada masa itu communication [komunikasi] tiada Whatsapp [aplikasi] dan sebagainya pada masa itu kan. Jadi, saya pun call direct [terus menghubungi] dekat UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] pada masa itu, saya beritahu lah yang saya tidak dapat surat. Mereka kata takpa [tiada apa], awak datang. Masa itu saya datang sehari selepas Raya Puasa [Hari Raya Aidilfitri]. Interview [temu duga] tidak perlu tunggu-tunggu terus jumpa dengan Ketua Jabatan terus. Biasanya orang nunggu [menunggu] dahulu berdebar-debar (senyum). Macam special [istimewa] pula saya, jumpa Ketua Jabatan dan tanya sikit macam itu sahaja. Alhamdulillah, saya diterima masuk dan dapat join [menyertai] Ijazah Sarjana pada masa itu. Antara lucky [keberuntungan] yang saya dapat, mungkin Allah nak tolong saya. Kalau tidak saya mungkin jadi pakar.

MZ : Baiklah Dr, sepanjang Dr melanjutkan pelajaran ini. Adakah Dr mendapat biasiswa sepanjang menyambung pelajaran? Jika ada, daripada pihak manakah?

SA : Baik, ini satu isu juga lah. Kami dahulu, diberi nama sebagai Hadiah Latihan Persekutuan HLP [Hadiah Latihan Persekutuan], dia some of [seperti] biasiswa lah. Jadi, biasiswa itu kita kena ada kontrak dengan kerjaab. Biasiswa undergraduate [serjana] adalah 10 tahun dan untuk postgraduate [pascasiswazah] dia bagi juga biasiswa dengan kontrak seingat saya lebih kurang dalam 5 tahun. Jadi, Alhamdulillah saya memang antara yang lucky [bernasib baik] dapat Hadiah Latihan Persekutuan tersebut. Maksudnya saya dapat biasiswa tersebut lah dengan kontrak saya dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selepas daripada lulus 5 tahun lagi. Alhamdulillah, saya masih bertahan lagi lah, tidak keluar lagi lah daripada Government [Kerajaan]. Sekarang ini mungkin agak susah lah dengan beberapa isu yang berlaku sebelum ini dengan kewangan Kerajaan dengan Doktor kontrak dan sebagainya. Isu itu saya rasa perlu dibincangkan lain kali lah (ketawa) berkaitan dengan isu Doktor dan sebagainya.

MZ : Seterusnya Dr, berdasarkan dengan apa yang telah diceritakan oleh Dr sendiri, setakat ini Dr telah berjaya macam mencapai tahap pelajaran yang tinggi. Jadi, soalan saya adakah Dr merancang untuk menyambung lagi pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?

SA : Itu soalan yang bagus juga itu, sebab saya sebenarnya plan [merancang] buat infertility [kesuburan]. Saya memang pernah propose [mencadangkan] untuk buat sub [sampingan]. Dalam Perubatan Keluarga ini dipanggil sub specialty [istimewa]

sampingan] tetapi tidak ada specific [terperinci] dalam bidang interfertility [kesuburan]. Dia ada untuk Men health [kesihatan lelaki] dan juga Women health [kesihatan wanita] dan saya memang seingat saya dalam 10 tahun yang lalu (mengingat), saya rasa 5 atau 6 tahun yang lalu saya memang diberi peluang untuk itu tetapi saya tidak grab [ambil], tidak ambil. Saya pun tidak tahu kenapa saya tidak ambil mungkin akibat daripada family [keluarga] tidak mahu jauh dan sebagainya. Jadi, saya tidak ambil peluang itu. Sebenarnya, kalau ikutkan kita dibawah Pembangunan Kesihatan Keluarga memang allocate [memperuntukkan] setiap pakar setiap tahun akan diberi peluang untuk buat sub [sampingan] kepakaran dalam pelbagai disiplin lah di antaranya Men health [kesihatan lelaki], Women health [kesihatan wanita], Addiction medicine [rawatan pencegahan ketagihan] yang melibatkan Substance abuse [ketagihan] dan sebagainya. Ada yang melibatkan Rehabilitation [terapi] tetapi saya masa itu memang diberi peluang tetapi saya tidak ambil peluang itu. Saya sudah hantar proposal [kertas cadangan] itu tetapi saya tidak ambil peluang. Dia sebenarnya perlu di ambil sebelum omor [umur] 45 tahun, saya pun tidak ambil peluang dan saya pun makin tua jadi setakat itu sahaja lah. Walaupun idam [mahukan] lagi, tetapi umur dah hampir 50 tahun sudah ini, sudah 50 tahun sudah ini (ketawa) bukan hampir lagi sudah. Mungkin benda-benda lain di dalam kehidupan dikehendaki dahulu lah. Pembelajaran akan ada sepanjang masa, tiada masalah. Okay, [baiklah].

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: SEJARAH ATAU PENGALAMAN MENJALANI PRAKTIKAL

MZ : Okay [baiklah] Dr. Seterusnya, kita akan beralih ke Bahagian C atau Bahagian ke-3 ini tentang sejarah atau pun pengalaman menjalani praktikal. Seperti Dr cakap [berkongsi] sebentar tadi, praktikal atau pun lebih dikenali sebagai posting [praktikal] ya Dr?

SA : Ya, posting [praktikal]. Betul.

MZ : Berapa lamakah tempoh menjalani praktikal atau pun posting [praktikal] tersebut dan tugas apakah yang pernah diberikan kepada Dr sepanjang praktikal tersebut?

SA : Dia punya praktikal ini kalau semasa dia dipanggil Latihan Siswazah atau ringkasannya dipanggil Housemanship [Doktor pelatih], kita kena masuk ke setiap disiplin yang utama. Lebih kurang dalam 3 bulan atau 4 bulan saya tidak ingat pada masa itu. Saya ingat dalam 4 bulan saya ingat. 4 bulan dalam disiplin perubatan. Di mana disiplin perubatan ini merawat orang yang strok, darah tinggi, kencing manis itu lah disiplin perubatan lah itu. Orang sakit paru-paru itu adalah disiplin perubatan. 4 bulan yang berikutnya adalah disiplin (menundukkan kepala sambil mengingat) jika tidak salah saya, saya masuk disiplin surgery [pembedahan], bab-bab pembedahan. 4 bulan di situ dan saya punya houseman [Doktor pelatih] adalah setahun. Akhir sekali adalah disiplin O&G [Obstetrik Dan Ginekologi] ibu hamil dan beranak untuk Obstetrik Dan Ginekologi. Jadi, Obstetrik Dan Ginekologi ini 4 bulan. Tahun ke-2 dikira sebagai tahun pertama Medical Officer [Pegawai Perubatan]. Houseman [Doktor pelatih] ini adalah satu jawatan yang tidak diberi tanggung jawab sepenuhnya walaupun diberi sijil sebagai Doktor tetapi itu dipanggil sijil sementara. Kalau tidak lulus Houseman [Doktor pelatih], masalah disiplin, masalah competency [kecekapan], Ketua Jabatan tidak lulus kita tidak akan dapat sijil penuh perubatan. Lesen perubatan penuh kita tidak akan dapat, sebab itu dia dipanggil Latihan Siswazah setahun tetapi sekarang ini generasi baru ini Latihan Siswazah 2 tahun tetapi masa kami dahulu adalah setahun. Pada masa saya dahulu, ini pengalaman zaman orang dahulu, orang sekarang ini seronok dengan kehidupan sekarang tetapi saya dahulu seronok dengan walaupun pada masa tersebut houseman [latihan Doktor pelatih] dalam satu department [jabatan] tidak ramai. Sekarang ini ramai sebab ramai Doktor tetapi pada masa saya dahulu, seingat saya oncall [bertugas di luar waktu pejabat]. Kerja dari 8 pagi ikut office hour [waktu pejabat] sehingga 5 petang dan sambung lagi ke pukul 8 pagi esok dan sambung lagi kerja biasa sampai pukul 5 petang esok. Jadi berapa lama kita bekerja itu? "24 campur [tambah] dengan 8 pulak". 32 jam, itu pun kalau kita punchcard [masa

bekerja] pukul 5 tetapi kita kadang-kadang tidak keluar pukul 5 sebab kita mahu habiskan kerja-kerja sama ada mahu discharged patient [pesakit pulang], ringkasan kes dan beri kepada orang yang bekerja malam. Kadang-kadang pukul 5, pukul 6, pukul 7 dan kadang-kadang pukul 8 dan 9 baru sampai rumah. Itulah pengalaman yang boleh saya katakan begitulah nature of work [cara bekerja] dahulu dan saya rasa seronok sehinggakan saya EOD Call [bertugas di luar waktu] terutama sekali disiplin O&G [Obstetrik Dan Ginekologi] sebab saya memang seronok walaupun EOD Call [bertugas di luar waktu] pun tidak ada masalah.. Maksudnya hari ini kita oncall [bertugas di luar waktu pejabat], lusa kita bertugas. Kalau duduk di rumah itu cuma malam hari ke-2 sahaja dan lusa kita terpaksa bertugas kembali. Kita tidur di Hospital, buat kerja di Hospital dan hari seterusnya baru balik. Kos pada masa tersebut kita boleh claim [tebus] dengan Kerjaan sebanyak 15 Ringgit sehari. Pada masa itu 15 Ringgit sudah kira banyak sudah itu. Sekarang ini, generasi muda 150 Ringgit, kami zaman dahulu pun 15 Ringgit sudah dikira memang bagus. Jadi, itulah kenangan-kenangan apabila saya masuk posting [praktikal] begitu lah. Apabila kita sudah keluar, kepakaran saya adalah Perubatan Keluarga dan specific [terperinci] kerja saya adalah berada di Klinik Kesihatan. Klinik Kesihatan ini dia macam satu posting [praktikal] sahaja lah, dia tiada posting [praktikal] yang lain. Dalam perubatan ini dia ada dua am yang utama. Am yang pertama ialah Hospital, dipanggil sebagai perubatan. Hospital ini digunakan untuk merawat kes-kes secara yang memerlukan rawatan-rawatan yang special [khusus] seperti pembedahan, beranak, atau pun kes yang teruk yang terpaksa masuk ke ICU [Intensive Care Unit]. Satu lagi Am ialah kesihatan. Istilah kesihatan kita panggil primary care [penjagaan utama]. Sebab itu lah FMS [Family Medicine Specialist] ini ada di sesetengah orang dan negara dikenali sebagai primary care [penjagaan utama] disebabkan kita berada di Klinik Kesihatan atau pun di Klinik Swasta. Jadi, saya punya kepakaran adalah primary care [penjagaan utama] atau pun perubatan primer ini. Kita rawat juga kes-kes kronik tetapi kes yang tidak teruk. Kalau teruk kita akan rujuk ke Pusat Rujukan di Hospital dan sebagainya. Maksudnya, kita menjaga populasi suatu lokaliti itu supaya tidak masuk ke Hospital lagi ramai. Maksudnya, kita prevent [mencegah] itu lebih awal. Dengan pemantauan gula, pemantauan tekanan darah tinggi, ubat-ubatan. Ubat-ubat pakar hanya boleh di ambil di Hospital sebab kebanyakan pakar berada di Hospital tetapi oleh kerana kepakaran Perubatan Keluarga ada di Klinik, ubat -ubat pakar juga boleh diambil walaupun limited [terhad] tetapi boleh di ambil di Klinik Kesihatan. Maksudnya care patient to home [menjaga pesakit yang berdekatan], tidak perlu ke Hospital untuk menunggu ambil ubat, dapatkan rawatan pakar sudah tidak perlu. Di Klinik Kesihatan pun sudah memadai dengan rawatan pakar yang telah diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan.

Itulah fungsi utama Perubatan Keluarga sebab ada sesetengah daripada kita dia salah faham, dia kata Perubatan Keluarga ini lebih ibu dan anak. Maksudnya, ada sesetengah tempat itu yang saya buat forum dan sebagainya dia kata Dr Suhazeli ini memang hebat dalam bab-bab ibu hamil, orang beranak ini dia memang hebat. Bukan begitu, tetapi saya tidak perbetulkan kembali lah walaupun bab itu memang saya tahu semuanya. Di klinik saya, ada section [bahagian] untuk bersalin. Kalau ada orang yang tidak sempat ke Hospital, saya boleh sambut tetapi lama sudah tidak sambut patient [pesakit]. Pada tahun lepas, ada seorang Orang Asli dia beranak di Klinik yang tidak sempat ke Hospital dan kita sambut dan kita mempunyai kemahiran itu. Nurse [Jururawat] dekat sini pun kemahirannya masih wujud untuk sambut untuk bersalin, untuk sambut bayi dan sebagainya. Takut nanti orang salah faham apa Perubatan Keluarga ini fungsinya.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

- MZ** : Terima kasih Dr di atas penerangan yang detail [menyeluruh] memberi maklumat kepada masyarakat tentang apakah itu sebenarnya Pakar Perubatan Keluarga. Jadi, soalan yang seterusnya Bahagian D atau Bahagian ke-4 tentang pengalaman kerjaya Dr. So [jadi], apakah perbezaan pengalaman setelah menjadi seorang Dr Pakar Kesihatan Keluarga berbanding sebelum ini?
- SA** : Okay [baiklah]. Kelebihan untuk menjadi pakar ini adalah kita pertama sekali dari segi knowledge [pengetahuan], pengetahuan dan juga pengalaman lah. Jadi, maksudnya kita belajar lebih dan kita tahu in detail every disease [tahu menyeluruh tentang penyakit]. Kalau lah semasa kita dalam latihan, kita masih lagi tidak mendalam dari segi pengetahuan dan skill [kemahiran] pun tidak berapa banyak. Apabila masuk MO [Medical Officer] biasa pun, kita tidak secara menyeluruh di dalam mengetahui di dalam sesuatu penyakit itu. Apabila kita membuat kepakaran ini, kita belajar balik secara terperinci dan kemahiran kita pun akan garap melalui itu. Inilah yang penting apabila saya masuk ke kepakaran, kita akan menjadi lebih menyeluruh tentang itu dan kita dapat pengalaman yang lebih lanjut lah (angguk kepala).
- MZ** : Seterusnya, siapakah yang menjadi idola atau pun sebagai kayu pengukur untuk Dr meneruskan lagi di dalam bidang perubatan atau sepanjang pembelajaran Dr jadi semangat untuk Dr meneruskan dengan apa yang Dr buat sekarang?
- SA** : Payah [susah] juga soalan itu sebab (ketawa) dia sebenarnya hasil daripada pengalaman kehidupan kita lah. Mahu kata specific person [orang terperinci] tidak tetapi hasil daripada sokongan moral daripada isteri, keluarga dan juga kawan-kawan yang mendoakan kita untuk kita terus maju ke hadapan. Mahu kata ada specific [terperinci] idola itu mungkin tidak ada lah sebab saya menganggap semua yang berjaya itu adalah idola saya untuk saya ikuti. Dengan langkah yang mereka lakukan, dengan kajian yang mereka lakukan. Saya mempunyai satu prinsip "kalau orang itu boleh buat, kenapa aku tidak boleh buat?". Kalau orang itu boleh lakukan, kenapa aku tidak boleh. Itu saya punya prinsip, maksudnya saya cuba challenge myself to be there [mencabar diri sendiri untuk berada di situ] yang kita katakan itu hebat. Mungkin tidak terperinci kepada sesiapa, jadi saya cuba mencabar diri saya untuk menjadi sehebat dia walaupun sekarang ini tidak sehebat dia tetapi kita challenge ourself to be there, to be somebody of [mencabar diri untuk menjadi orang hebat]. Sebab itu lah saya punya motto kehidupan saya adalah hidup bermanfaat. Tengok saya punya website [laman web] hidup bermanfaat sebab kalau boleh saya nak setiap saat, langkah saya

itu adalah mempunyai manfaat untuk diri saya , keluarga saya dan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Semoga manfaat yang saya berikan itu, akan memberi satu pulangan pahala yang besar kepada diri saya sebagai jambatan saya menuju hari Akhirat. In Shaa Allah.

MZ : Baiklah Dr. Terima kasih, untuk sesi seterusnya akan diteruskan oleh Luqman Haqim.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PENGHARGAAN DAN ANUGERAH

LH : Seterusnya, sesi yang kedua akan diteruskan oleh saya Luqman Haqim Bin Kamaludin. Jelas suara saya Dr?

SA : Jelas-jelas, alhamdulillah.

LH : Kita start (mula) dengan bahagian E. iaitu, penghargaan dan juga anugerah. Jadi, kami ada buat sedikit research (carian) tentang Dr dan terjumpa di website (laman web) Dr ada senaraikan tentang beberapa, bukan beberapa lah banyak lah sebenarnya penghargaan dan anugerah.

SA : Saya pun sudah tidak ingat yang mana satu dah. Mungkin tidak complete (lengkap) yang saya cakap ini. Mungkin apa-apa rujuk balik dekat dalam tu (laman web).

LH : Anugerah yang pernah Dr, terima lah. Mungkin Dr boleh cerita yang paling diingati ataupun yang paling besar.

SA : Okey, yang paling besar dalam anugerah ini adalah Anugerah Wira Vaksin 2019 lah. Ini pun mungkin setelah panel dari Kementerian Kesihatan melihat saya begitu lantang menulis bercakap dalam radio, dalam TV dan media sosial berkaitan dengan vaksin, edukasi vaksin dan menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh golongan yang menentang vaksin. Bermula dari 2008 lagi, saya di klinik kesihatan Marang pada masa tersebut. Masyarakat yang datang jumpa saya pada masa itu mula bertanya berkaitan dengan vaksin. Yang sebelum daripada ini tidak ada apapun yang dibincangkan oleh mereka. Tetapi, seiingat saya tahun 2008 tu [itu] mula diperkatakan oleh masyarakat. Seingat saya sebab ia bermula dari era internet. Sebelum daripada ni [ini] isu-isu yang berkaitan dengan keraguan berkaitan dengan vaksin ini tidak timbul sangat sebab masyarakat tidak terdedah dengan info-info luar. Kalau tengok dari segi barat kita tengok dia punya info berkaitan dengan penentangan vaksin ini sudah lebih kurang dalam 10-20 tahun yang lalu telah bermula. Tetapi, apabila adanya era maya dan era internet. Masyarakat mula mencari dan mula mendapatkan info yang dari luar dan mereka apabila dapat info yang daripada luar mereka akan cuba query (pertanyaan), bertanya, walaupun benda itu adalah bagus sebab kita sebagai manusia tidak boleh lari dari sikap ingin bertanya, sikap ingin untuk hidup bersyariat, adakah bahan yang kita gunakan itu adalah haram atau halal. Tidak menjadi satu masalah, tetapi ia menjadikan satu yang melarat dalam masyarakat apabila mereka bertanya di pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa sudah ada didalam diri mereka negatif berkaitan dengan vaksin, negatif dengan perubatan moden dan sebagainya. Menyebabkan disinilah berlaku pecapahan dan perpecahan. Kita di Kesihatan ini, kita

explain [terangkan] sebagaimana yang telah pun di explain [terangkan] oleh banyak ahli-ahli dan pakar-pakar. Begitu juga yang telah pun dibincangkan oleh para alim ulama. Kalau ia melibatkan hukum dan sebagainya. Benda ini telah well-known [terkenal] di dalam kitab-kitab dan juga perbahasan ulama. Tetapi, apabila berlakunya keraguan demi keraguan dan berlakunya perpecahan ini. Akhir sekali, saya mula menjawab didalam media sosial, di dalam radio, di dalam TV dan sebagainya. Sehingga yang paling besar sekali pertembungan adalah berlakunya kes difteria tahun 2016-2017. Dimana pada masa tersebut, seingat saya kematian difteria adalah lima atau enam orang kematian dengan jumlah kes positif 27 dan disitu lah saya boleh kata kan tiap kali saya post kat facebook saya menyebut bahawa ini adalah satu daripada kegagalan dalam negara kita kerana membiarkan masyarakat tidak diberi vaksin dan membiarkan adanya golongan-golongan yang menentang untuk pemberian vaksin disesetengah lokaliti. Tidak semua, tetapi ada lokaliti-lokaliti tertentu yang kita tengok bahawa coverage [liputan] untuk pemberian vaksin turun sampai ke 88% ada yang 60% dan sebagainya. Menyebabkan tercetusnya wabak. Contohnya dekat Selangor, contohnya kat Kuantan. Bukan sahaja difteria tetapi campak dan sebagainya. Sebab bermula tahun 2015, kita sudah boleh melihat trend [amalan], trend [amalan] refuse [menolak] ramai dan kes juga meningkat dengan bersamaan dengan trend [amalan] refuse [menolak]. Jadi disinilah saya terutama sekali pada peringkat awal dulu saya bergerak nampak macam solo [berseorangan] menulis, menjawab dan saya telah mengeluarkan satu buku, buku "Vaksin Untuk Bayi Anda". Buku tu [itu] saya keluarkan tahun 2015 atau 2016 saya tak ingat dia punya tu [itu] dan diulang cetak beberapa kali sehingga ke 7000 naskah lah. Buku tersebut saya telah menulisnya dan tulisan itu adalah hasil daripada saya kumpul daripada setiap penulisan-penulisan pendek yang saya buat dalam website [laman web] dan juga Facebook. Jadi disitulah setelah Kementerian Kesihatan nampak saya ni [ini] begitu passionate [bersemangat] dengan isu vaksin dan juga memberikan jawapan-jawapan kepada golongan yang menentang vaksin. Pada masa tersebut kementerian telah menobatkan saya sebagai Anugerah Wira Vaksin bersama dengan beberapa individu lain lagi lah. Di antara yang saya ingat adalah Datuk Seri Doktor Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang masa tersebut adalah Mufti Wilayah Persekutuan, Profesor Datuk Doktor Noor Aziah iaitu Pensyarah Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM] dia ada sekali dan beberapa stesen radio seperti IKIM [Ikim FM] dan ada lah beberapa orang lagi yang telah diberi anugerah vaksin pada masa tersebut. Itu lah anugerah yang saya rasa begitu tinggi lah yang diberikan kepada saya. Pun begitu, apabila kita diberi dengan anugerah yang sebesar itu, saya kira besar la. Cabaran juga besar. Makin banyak penentangan-penentangan dari golongan anti vaksin sehingga saya ini

dituduh sebagai ejen kepada dajjal, saya ini munafik, saya dah terkeluar dari Islam dan sebagainya kerana mempercayai barat, tidak mempunyai iman dan pelbagai lagi tuduhan demi tuduhan dan saya rasa itulah main [utama] lah dalam perjuangan lah saya rasa. Anugerah yang kedua yang saya rasa besar juga, adalah saya juga diberi sebagai dipanggil Hadiah Khas Juri, untuk Kesihatan di media sosial pada 2017. Sebenarnya, anugerah itu diberi tiap-tiap tahun tapi dua tahun kebelakangan ini tiada mungkin kerana Covid atau duit dan sebagainya. Dapatlah duit seribu setengah KKM [Kementerian Kesihatan Malaysia] bagi. Ia bukan KKM [Kementerian Kesihatan Malaysia] sahaja tapi kerajaan secara whole (keseluruhan). Dan saya dapat itu [anugerah] saya tak pergi ambil sendiri, isteri saya yang pergi ambil dengan Tan Sri DG [pengarah kesihatan] pada masa tersebut yang bagi hadiah itu. Sebab apa saya tak ambil sebab pada masa tersebut musim Raya Korban. Saya setiap tahun bermula pada tahun 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 sampai sekarang kecuali tahun lepas berhari raya di negara orang sebab saya menjadi ejen, bukan macam ejen sangat pun kita membuka program untuk berkorban di luar negara. 2009 seingat saya, saya di Mindanao di Basilan. 2010 juga saya di Mindanao. 2011 juga saya di Mindanao. 2013 saya tak pergi sebab saya dapat rombongan haji juga dibawah KKM sebagai petugas haji dan pada masa itu 2013, saya adalah Pengarah Operasi Haji di unit Madinah. Kalau nak cerita panjang juga tu pengalaman-pengalaman sebagai ketua rombongan haji. 2014 saya mula mengorak ke Sudan. 2015 juga Sudan 2016 Sudan 2017 Sudan sehinggalah 2019 oleh kerana ramai dah group [kumpulan] saya beralih ke Kenya, juga negara Afrika bawah sedikit dari Sudan. 2020 tidak dapat pergi sebab Covid, tahun ini pun mungkin tak dapat pergi. Jadi seingat 2018 saya dapat anugerah tu [itu] saya berada di Sudan. Saya cuma dapat gambar isteri saya tunjuk gambar ni [ini], gambar orang bagi hadiah Anugerah khas juri kesihatan selepas tu ada beberapa anugerah kecemerlangan peringkat jabatan dan sebagainya.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: HASIL-HASIL PENULISAN

LH : Seterusnya, kita ke bahagian F. Ia itu, hasil-hasil penulisan dan seperti yang saya cakap tadi, Dr, turut ada menyenaraikan beberapa hasil-hasil penulisan Dr, dan bagi kami Dr, begitu aktif dalam penulisan artikel ataupun buku. Bolehkah Dr cerita sedikit tentang hasil-hasil penulisan Dr, yang Dr, rasa ia adalah hasil terbaik atau bermakna bagi Dr.

SA : Tadi saya ada sebutkan berkaitan dengan vaksin. Buku vaksin ada satu lagi buku saya buat tajuk dia "Kau Vaksin Anak Kau, Habislah". Buku ini dalam bentuk dalam bentuk genre, bentuk bersahaja dan bercerita. Dan ia tak tebal [tak berapa ingat] dalam 100 muka surat lebih dan dikeluarkan oleh (berselawat) syarikat tersohor juga White press. Ini bukannya, yang buku "Vaksin Untuk Bayi Anda" tu ada kat rumah hoktu [yang itu] pun dah habis stok dah. Hokni (yang ini) kalau pergi kat syarikat buku besar mungkin ada lagi. Yang ni tulisan ni adalah tulisan bersama Doktor Amirul Amzar Sarjana Perubatan Keluarga di UM [Universiti Malaya] dan juga Dziehan, Dziehan ni adalah Pharmacist (Pegawai Farmasi) di Kementerian Kesihatan. Banyak bab dalam ni, tak banyak muka surat dia lebih kurang dalam 84 muka surat . Tapi dia adalah nipis senang untuk orang bawa dan santai siap dengan kartun apa semua tulah Kartun ni di lukis oleh Tayang Hamzah dia adalah nurse [jururawat] dan sekarang berkhidmat di Timur Tengah. Dan dia punya prakata ada Datuk Seri Dr Zul, Dr Musa Nordin dan Datuk Zulkifli Ismail. Ni adalah-adalah yang hebat jugalah bahagian bercerita dengan vaksin. Buku yang pertama sebenarnya yang saya buat bukan buku Vaksin Bayi Anda buku pertama yang saya buat adalah buku SPSS. SPSS ini adalah buku Statistik. Masa saya master dahulu, saya boleh dikatakan diantara individu dirujuk lah bab-bab computer ing [pengkomputeran], entering data [memasukkan data] , bagaimana nak analisa data, guna Excel, guna SPSS. Saya boleh buat analisa, nak keluar dia punya statistical analysis [analisis statistik] P value dan sebagainya saya memang dirujuk oleh sahabat-sahabat dan rakan se-master [sarjana] dahulu. dan apabila saya keluar sekalipun rakan-rakan pakar perubatan yang lain juga saya siap buat saya dalam 2 3 4 kali dia punya workshop (Bengkel) untuk SPSS ini. Basic [Asas], nak kata yang hebat-hebat tidak. SPSS ni untuk pengetahuan Zarif dengan Luqman dia adalah software untuk statistik untuk buat kajian, buat kajian untuk research [kajian]. Untuk orang research [kajian] mesti dia ada beberapa software [perisian] lain lah seperti Epi Info, seperti SPSS itu sendiri dan ada beberapa lain lagi yang lebih advance [Maju] saya tak pandai. Yang saya pandai adalah SPSS dan kita boleh buat analisa disitu dan saya buat 2 3 kali buat workshop [bengkel] berkaitan SPSS. Sehingga saya bersetuju untuk diterbitkan dalam bentuk buku. Bagi Persatuan Pakar Perubatan

Keluarga dimana setiap tahun Pakar Perubatan Keluarga buat bengkel jadi buku rujukan tu buku saya. [Tetapi] sekarang dah lama dah, sebab saya sibuk benda lain, tak buat lah benda tu [itu]. Buku tu masih ada tapi very basic [sangat asas] dan sesuai bagi yang siapa baru nak bermula untuk belajar SPSS. Itu buku pertama saya. Lepas tu dari segi buku-buku yang lain adalah penulisan penulisan yang runcit. Contohnya, saya terlibat juga salah satunya penulis dalam "Bukan Doktor Gugle" keluaran KataPilar dia syarikat buku yang dikumpulkan beberapa penulis lain lebih kurang dalam berbelas-belas orang semua doktor-doktor dia kumpulkan. Saya hantar dalam 2 atau 3 artikel dalam tu dan juga sepanjang dua tahun saya menjadi kolumnis dalam buku Solusi. Majalah Solusi keluaran Telaga Biru. Tetapi setelah Covid buku Solusi itu sendiri diputuskan sendiri oleh Datuk Dr Zahazan yang menjadi Pengarah Eksekutif Telaga Biru memutuskan tidak diterbitkan secara bercetak tetapi sekarang ni tak pasti samada secara maya keluar ke tidak wallahualam. Tapi [Tetapi] kerana Covid banyak buku-buku cetakan ini tak laku kan, orang tak beli. Sebab buku cetakan ni paling laku apabila berlakunya pesta buku dan orang beli, orang baca dan sebagainya. Tapi sekarang ini ialah orang dah tak baca dari segi bentuk buku ni orang baca dalam bentuk lebih pada Facebook dah leni [sekarang ini]. Majalah Solusi itu sendiri pun telah dinyatakan oleh Datuk Dr Zahazan bahawa di tawaqquf untuk sementara waktu sebab Covid. Saya juga terlibat dalam beberapa penulisan dalam akhbar secara tetap adalah Harakah samada Harakah Daily ataupun Harakah cetak, paling-paling tidak akan ada satu atau dua saya punya tulisan dan juga paper-paper [akhbar-akhbar] lainlah Berita Harian, Sinar Harian tu secara berkala lah, secara berkala apabila diminta untuk saya menulis dalam beberapa isu saya menulis lah dan juga dalam online [atas talian] ada juga dari segi tu, itu penulisan saya lah. Saya nak bercerita berkaitan dengan penulisan ni sebenarnya penulisan ini nak kata saya minat bolehla kata saya minat dalam menulis tetapi di atas dasar tanggungjawab menjawab sesebuah isu. Jadi kalau saya ni [ini] dari bercakap seperti you all [kamu semua] tengok sekarang ni bukannya lancar sangat, saya tak fasih seperti orang yang satu! dua! tiga! (eaksi bersemangat) bukan nak kata pakar motivasi bukan, saya tersangkut-sangkut juga, bukannya suara saya ni suara yang komersial lah tetapi apabila kita menulis ni kita akan rasa dia ada gaya yang tersendiri yang menyebabkan kita dapat mempengaruhi orang dengan melalui tulisan kita. Walaupun mungkin kita rasa begitu tapi Wallahualam saya tak pasti orang tu macam mana tapi [tetapi] kita rasa syok sendiri lah, kita menulis tu [itu] untuk memberi penerangan dalam sesuatu isu sebab itu saya menulis. Dan for sure [untuk kepastian] apabila kita, kita menulis kita akan menggunakan banyak masa berbeza dengan bercakap secara direct [terus] macam ni [ini] kita tak perlu tumpu untuk menuliskan maksudnya kita keluarkan lah lontarkan apa saja [sahaja] idea. Dan

mungkin *you all* [kamu semua] akan tulis nanti apa yang saya cakap kan itu pun masa lama tu entah setahun baru siap *you* [awak], biografi ni. Wallahualam, saya tak pasti. Tetapi gitulah (macam itu lah) saya nak beritahu apabila kita tulis ni [ini] dia memerlukan pertama, saya apabila ada sesuatu isu dalam bab menulis ni saya tak akan jawab terus, saya baca dahulu dia punya gist [inti] dia, konten dia apa, apa yang diutamakan, apa yang saya nak highlight [tekankan] dan saya mesti setiap penulisan saya, saya akan letak rujukan most [kebanyakkan] lah, kebanyakan saya akan letak rujukan. Okey, Kalau bab Ivermectin contohnya yang dibincang hangat sekarang ni, saya pun dapat dia punya kod dia rujuk adalah kepada rujuk jurnal ni [ini], jurnal ni [ini], jurnal ni [ini], siapa yang cakap, siapa yang cakap, maksudnya kita bukan semata-mata lontarkan kita punya idea melalui penulisan secara semberono sahaja. Kita mesti berdasarkan kepada dalil berdasarkan apa rujukan dia, dimana sandaran kita. Itu adalah style [gaya] saya punya penulisan lah dan kebanyakannya begitu walaupun sekali sekala saya pun menulis juga dalam bab-bab yang agak santai dan memperli orang tapi kebanyakannya saya menulis berdasarkan kepada rujukan dan perlu masa untuk membaca. Saya punya rate [kadar] untuk menulis dalam sehari kadang-kadang takdak [tiada] kadang-kadang tiga hari sekali, kadang-kadang sehari tu dua empat artikel saya boleh tulis. Bergantung kepada ni lah idea juganya dalam sesuatu isu.. Bank tulisan saya ni, untuk maklumat kalau nak tulis dalam tu [itu] saya menggunakan application (aplikasi) saya guna Evernote. Ini mungkin boleh saya cadang kepada *you all* [awak semua] Evernote ni sebab dia da dalam ni dan boleh synchro [segerakkan] dalam komputer boleh kat mana-mana kita buat komputer mana-mana kita buat asal menggunakan akaun yang sama so [jadi] kita synchro [segerakkan] dengan tu [itu], dia bukan dalam bentuk Microsoft Word, Microsoft Word ni lebih dia tinggi sikit dia punya formatting [format], dia format yang ringkas tetapi kita nak nya adalah tulisan dan apabila tulisan tu kita boleh share [kongsi] ke facebook kita boleh share [kongsi] ke dalam website [laman web] dan sebagainya. Dan ia juga boleh simpan gambar, audio, video menggunakan Evernote. Yang kedua skill [kemahiran], macam pecah rahsia saya ni. Skill [kemahiran] saya, saya suka melukis juga sebabtu saya tak boleh lari dari melukis, dulu melukis secara tangankan, sekarang ni saya melukis menggunakan beberapa kaedah, saya tak belajar secara formal tetapi orang kata kalau bab Photoshop saya boleh. Photoshop saya boleh, saya tahu nak buat layer [lapisan] nak macam-macam saya boleh buat, buat poster boleh. Lepastu yang sekarang ni yang terbaru Canva, saya belajar Canva. *You all* [kamu semua] ni orang baru belajar Canva kan? Canva tu saya ambil asas je corak dia lepas tu saya save [simpan] dalam bentuk PDF saya pergi ke Photoshop ataupun saya guna lagi satu lagi application [aplikasi] nama dia Affinity. Affinity adalah untuk buat buku, untuk buat buku

sebab dia boleh letak disitu dia punya page number [nombor muka surat], design [reka bentuk] belakang sebagai master [utama] dia punya banyak lah background [latar belakang] dia boleh tu [itu] sebab tu saya memang minat sangat bahagian-bahagian melukis-melukis bahagian tu [itu]. Kalau tengok saya punya Facebook saya punya design-design [reka bentuk-reka bentuk] yang saya buat sendiri tu semau saya buat sendiri tu [itu]. Macam nak bangga diri la pulak (ketawa). Bukan untuk bangga diri untuk kabo [bagitahu] kat orang kot orang boleh ikut itu je.

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: PENGLIBATAN AKTIVITI/ PROGRAM LUAR PEJABAT

LH : Terima kasih Dr untuk orang kata suggestion [cadangan] ataupun cadangan untuk aplikasi-aplikasi yang kami boleh guna dalam masa pelajaran kami ni. So [Jad], tadi Dr ada juga sentuh ataupun bercerita tentang Dr setiap tahun terlibat ibadah korban di luar negara. Jadi, boleh tak Dr bercerita sedikit tentang program-program ataupun program sukarelawan Dr pernah sertai di mana, nama program ataupun tarikh-tarikh program tersebut.

SA : Saya dah beritahu dah tadi saya terlibat dengan NGO [Badan Bukan Kerajaan] saya bermula dengan Yayasan Amal Malaysia dan saya diberi amanah sebagai Pengerusi Yayasan Amal Cawangan Terengganu beberapa tahun semenjak daripada 2000 seingat saya (berselawat) mungkin dalam 2008 ataupun 2009 sehingga lah pada tahun 2017 saya terlalu sibuk sangat dengan benda lainn saya tak dapat tumpukan dengan sepenuhnya dan 2018 kawan-kawan saya yang berada di lokaliti setempat sebab Yayasan Amal ni dia negeri besar dia punya coverage [liputan] dan di pusat pun ada Yayasan Amal jadi saya tak dapat tumpu sepenuhnya. Terpaksa pergi KL [Kuala Lumpur] untuk mesyuarat dan sebagainya boleh katakan tiap bulan, hari ahad tak munasabah saya nak cuti sebab mesyuarat hari ahad, hari ahad je mesyuarat. Jadi kita kerja sini kan. Jadi saya pun secara lokalnya di Kuala Berang ni saya bincang dengan kawan-kawan untuk buat satu NGO [Badan Bukan Kerajaan] sendiri diberi nama WargaCakna, Persatuan Prihatin Warga Terpinggir Terengganu dimana lebih memberi kebajikan kepada orang-orang yang inneed [memerlukan] memerlukan kita tak nafikan kerajaan telah menyampaikan bantuan melalui JPKK [Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung] melalui kerajaan itu sendiri melalui JKM [Jabatan Kebajikan Masyarakat] dan sebagainya. Tapi ada lagi di hujung-hujung kampung yang sana mungkin masih lagi tak dapat keseluruhannya bantuan daripada kerajaan, jadi kami lah yang membantu sekadar yang ada, bukan daripada duit kita tapi duit penderma juga daripada yang disampaikan setelah saya buat iklan di Facebook dan sebagainya. Contohnya, hari ini saya buat iklan berkaitan dengan gerobok rezeki untuk bagi kepada orang yang musim PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] tak dapat untuk beli barang-barang harian dan sebagainya dan alhamdulillah masuk dalam seratus dua tu insha-Allah kita akan laksanakan amanah itu untuk diberikan kepada mereka yang berkenaan. Maksudnya saya terlibat dengan NGO [Badan Bukan Kerajaan] ni sejak sekian lama. Pun begitu, saya terlibat dalam beberapa professional perubatan, Persatuan Profesional Perubatan terutama sekali Persatuan Pakar-Pakar Perubatan Keluarga Malaysia pernah satu sesi dilantik sebagai Timbalan Presiden selepas tu saya cuba mengendurkan diri bukan sebab apa

saya masih lagi menjadi affiliate [ahli] kepada FMSA [Family Medicine Specialist Association] sebagai ahli kerana terlibat dengan banyak NGO [Badan Bukan Kerajaan] lain macam-macam lagi saya terlibat. Contohnya untuk Palestin saya juga Setiausaha kepada Aid4Palestine yang berlaku kes bom hari itu kan jadi kita menggabungkan NGO [Badan Bukan Kerajaan] dari 154 NGO [Badan Bukan Kerajaan] seluruh negara bergabung sekali menubuhkan satu sekretariat yang dinamakan Aid4Palestine hasil daripada sekretariat telah berjaya mengumpul lebih kurang dalam 17-18 juta duit dan Insha-Allah you all [awak semua] minta doalah kepada saya supaya saya dapat sampai ke Gaza pada 22 haribulan nanti. Kami dah buat permohonan untuk masuk Gaza, alhamdulillah, Ustaz Ebit Liew dah masuk hari ini kan? Dan ada beberapa lagi lagi lah individu yang mungkin akan masuk selepas daripada ini dan kami juga mengambil satu ibrah [pengajaran] dengan langkah yang telah dibuat oleh Ustaz Ebit Liew itu, Insha-Allah, kami dah buat permohonan termasuk nama saya juga untuk ke Gaza, Insha-Allah, doakan lah.

LH : Untuk soalan terakhir untuk bahagian G ni, Dr bukan sahaja aktif dalam menjadi sukarelawan tetapi dalam senarai tu juga Dr ada menyenaraikan Dr juga selalu terlibat dengan persidangan, seminar dan juga bengkel. Boleh Dr terangkan dan ceritakan serba sedikit tentang penglibatan Dr dalam persidangan, seminar dan juga bengkel.

SA : Hoktu [Yang itu] masih banyak tak update [kemas kini]. Saya pun sejak akhir-akhir ni tak sempat nak update [kemas kini]. Yang itu adalah secara profesionalnya saya memang lah di peringkat jabatan, di peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan dilantik sebagai beberapa panel terutama sekali melibatkan imunisasi dan vaksin ni lah. Selain daripada itu beberapa kursus profesional lain lagi lah yang saya dijemput sebagai panel. Contohnya, CSR, human system research dalam bentuk kualiti assurance ni [ini] semua melibatkan jabatan la ni [ini] dan juga penceramah kepada kursus-kursus generic [generik]. Contohnya, kita doktor kena buat kursus berkaitan dengan kencing manis dan sebagainya. Jadi, saya antara yang terlibat secara direct [terus] lah untuk menyampaikan pengisian begitu juga dengan kesihatan mental, boleh katakan semua lah kebanyakannya lah saya terlibat dari sudut profesional di dalam jabatan peringkat daerah, peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan. Nak senarai semua memang banyak sangat tapi tu [itu] lah setakat hok [yang] dalam Facebook tu pun tidak update [kemas kini] secara sepenuhnya lagi lah banyak sangat lain-lain peringkat tu. Wallahualam

TAMAT BAHAGIAN G

BAHAGIAN H: ISU SEMASA, TIPS DAN HARAPAN

LH : Okey [Baiklah], seterusnya bahagian terakhir iaitu bahagian H. So [jadi], isu semasa lah. Dr merupakan Panel Pakar bagi program Imunisasi dan Vaksinasi di Kementerian Kesihatan. Jadi, sudah tentu sekarang ini vaksin adalah merupakan satu isu yang hangat diperkatakan bukan sahaja di dalam kalangan rakyat Malaysia sahaja, hatta seluruh dunia. Jadi, soalan saya adalah, sebagai seorang Dr dan juga ahli yang lebih arif tentang hal ini dan juga lantang bersuara memperjuangkan dan menyuarakan isu kepentingan vaksin dalam masyarakat. Bagaimanakah cara Dr untuk mendidik dan membuka minda masyarakat kita ni yang khususnya meragui peranan vaksin setelah orang kata pelbagai teori dan juga fakta-fakta rekaan yang dicipta oleh orang kata golongan anti vaksin. Jadi macam mana Dr untuk orang kata berjuang lah untuk melawan balik hujah-hujah ataupun fakta orang kata yang tidak tahu sumber dari mana untuk melindungi masyarakat yang tidak meragui kepada meragui vaksin.

SA : Saya nampak isu berkaitan dengan vaksin ini ada tiga isu yang paling utama lah. Yang pertama sekali adalah berkaitan dengan info, maklumat yang diterima oleh masyarakat, saya lihat bahawa di akhir-akhir ini bahawa maklumat yang diterima oleh masyarakat tu pecah-pecah secara tidak seragam akibat daripada maklumat-maklumat luar yang dibawa masuk dalam negara kita. Bermula daripada Andrew Wakefield 1998 iaitu Andrew Wakefield adalah antara yang menjadi ikon kepada vaccine refusal [penolak vaksin] ataupun antivaksin seluruh dunia lah, yang telah mula mencetus isu autism akibat daripada pemberian vaksin. Jadi, daripada Andrew Wakefield itu kita nampak info yang diterima dibawa secara tak betul dan disini lah saya, saya menjawab juga melalui hujah dan info sebab yang ditulis oleh antivaksin nampak pun ada dari segi hujah mereka tetapi hujah mereka tu lebih kepada pseudo, di spin [putar], di twist [pusing] jadi disitu lah kita terpaksa menggunakan kemahiran kita untuk baca balik dan apakah sebenarnya penjelasan yang sepatutnya. Disitu lah sebab saya banyak membaca berkaitan dengan itu. Jadi, kita menjawab berdasarkan pada artikel yang mereka kemukakan. Contohnya, autism. So [Jadi], betul ke tak autism tu disebabkan oleh vaksin? Jadi kita pun baca balik kajian demi kajian yang telah dilakukan sehingga ke beratus ribu memang tidak ada dikaitkan pun tetapi dengan hanya sedikit yang dikeluarkan oleh Andrew Wakefield orang mula percaya sebab dengan satu bahasa orang putih, jadi orang tengok english [inggeris] bahasa hebat lah kata. Yang kedua dia nampak macam, macam saintifik nampak macam sains tu dipanggil pseudoscience [ilmu pseudosains] yang sebenarnya jawapan telah ada. Jawapan sepatutnya ini jawapan dia tidak pun dikaitkan itu dan itu lah yang saya

cuba buat dalam pelbagai isu berkaitan dengan vaksin. Apa sahaja yang disebut bermula daripada autism, bermula daripada cacat, bermula sehingga orang kata mati, sehingga orang kata ada bahan haram, macam-macam. Semua saya menjawab satu persatu, satu persatu, satu persatu, satu persatu. Dan kebanyakan majoriti hujah daripada antivaksin adalah hujah yang tak betul, hujah yang di twist [pusing] dan kadang-kadang hujah dia melibatkan pseudoscience [ilmu pseudosains]. Jadi sini pertama sekali isu adalah info. Yang kedua adalah isu kekuatan individu dan juga organisasi, saya ni [ini] menulis nampak lebih kepada individu. Individu yang menulis sebab tu orang nampak saya je [sahaja] yang menulis. Orang apa-apa kalau saya punya persatuan FMSA [Family Medicine Specialist Association] Persatuan Pakar Perubatan Keluarga, kalau isu vaksin Suhazeli lah, isu vaksin Suhazeli lah. Orang kata macam tu [itu] kan, Jadi, memang lah saya tak apa lah saya bangga lah sebab saya dirujuk kan. Tetapi apabila kita melihat ia adalah seolah-olah itu adalah isu individu yang hanya individu tu sahaja yang patut jawab, saya rasa tak betul dan tak kena. Sepatutnya setiap daripada doktor tahu, tahu. Contohnya, kalau lah pesakit mari kat klinik, doktor kat klinik dia tanya betul ke doktor vaksin ni boleh menyebabkan autism contohnya, kalau dia tak tahu, sepatutnya dia tahu lah benda yang simple [mudah] macam tu, dia patut pandai jawab. Jadi, sini lah Alhamdulillah, saya rasa dari individu-individu dan saya rasa bukan saya seorang saja [sahaja] tapi ada beberapa individu-individu lain yang juga menulis di peringkat kapasiti mereka masing-masing. Alhamdulillah, seingat saya bermula pada tahun 2017 telah diusahakan beberapa NGO [Badan Bukan Kerajaan] yang saya juga turut terlibat. Yang pertama adalah Medical Mythbusters Malaysia yang diasaskan oleh Ahmad Firdaus Haris, dia adalah doktor yang berkhidmat di Perak sekarang ni [ini]. Ni [Ini] menjawab isu-isu berkaitan dengan mitos perubatan bukan sahaja vaksin tapi benda-benda lain juga melalui Facebook dan juga sekarang ni [ini] kita go on [teruskan] video dan live [siaran langsung] di FB [Facebook] malam ni pun ada live [siaran langsung] FB [Facebook] yang dibuat oleh M Three [Medical Mythbusters Malaysia]. Satu lagi adalah melalui Twitter oleh MedTweetMY [Medical Twitter Malaysia], saya juga salah satu ahli Medical Twitter Malaysia yang diusahakan oleh Doktor Khairul Hafidz, sekarang Doktor Khairul Hafidz ni Master dalam Public Health [Sarjana Kesihatan Awam] di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] seiingat saya dan lebih kurang dalam 40 hingga 50 individu lain lagi lah, pakar-pakar yang bergabung di dalam MedTweetMY [Medical Twitter Malaysia] yang aktif menjawab dalam Twitter. Saya tak banyak dalam 20000 je [sahaja] followers [pengikut] kat Twitter yang Doktor Khairul Hafidz tu dalam 200000, 10 kali ganda (ketawa) saya ni baru 20000 tu pun sekali sekala je [sahaja] berkicau menggunakan Twit. Jadi, kita bergabung di dalam NGO [Badan Bukan

Kerajaan] yang telah didaftarkan secara sah, kita bergerak secara padu untuk menjawab isu, semua isu lah, termasuk isu vaksin. Dan isu yang ketiga adalah isu advokasi dan enforcement [penguatkuasaan] yang ini saya rasa agak lack [kurang] dalam negara kita. Maksudnya di peringkat jabatan atau di peringkat orang-orang yang kita kata so course [sudah tentu] sebagai berautoriti tu dia tidak banyak ingin menjawab kecuali dengan jawapan-jawapan rasmi yang telah diberikan oleh kerajaan. Tu [itu] okey je [sahaja] tak ada masalah tetapi saya rasa masih lagi belum mencukupi untuk menjawab segala isu yang sepatutnya satu per satu ditimbulkan oleh masyarakat. Enforcement [Penguatkuasaan] begitu juga, kita nampak ada orang yang anti pada vaksin, orang yang menuduh sebagai dajjal, orang yang menuduh DG [Ketua Pengarah] sebagai Freemason [organisasi], orang yang macam-macam, saman KKM [Kementerian Kesihatan Malaysia] tetapi seolah-olah macam kita lah, wallahualam, ni pandangan peribadi saya lah, saya nampak macam kita tak nak berlawan, macam tak nak berlawan. Tak apa lah orang nak katok [pukul] kita macam mana, orang nak pukul kita, nah lah pukul lah, kita tak lawan balik, kita tak nak saman balik, kita tak apa orang nak kata apa-apa, kita pasrah je [sahaja] lah. Maksudnya, sedangkan dari segi akta ataupun enforcement [penguatkuasaan] kita mempunyai beberapa akta yang tertentu yang mungkin kita boleh gunakan. Akta CDC [Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)] ke Akta Darurat ke Akta Hasutan ke apa ke dan sebagainya. Tapi [Tetapi] sekarang ni [ini] seolah-olah kita tak buat apa-apa. Haa gitu [begitu], walaupun mungkin dibuat mungkin saya tak tahu, tetapi saya nampak serba sedemikian. Seolah-olah kita ni [ini] seolah macam dipukul tanpa kita balas balik, itu je [sahaja]. Itu tiga isu. Wallahualam.

LH : Ada sesetengah komen yang saya baca daripada boleh dikatakan golongan keluarga la ataupun ibu bapa yang menolak vaksin diberikan kepada anak-anak mereka. Ada ayat tu berbunyi macam. Oh, anak saya tak ambil vaksin tapi sihat je [sahaja], anak saya tak ambil vaksin tak kena pun penyakit ni [ini], penyakit ni [ini]. Jadi boleh tak Dr terangkan macam mana fungsi dan juga peranan vaksin tu [itu] sendiri dalam masyarakat.

SA : Ini soalan common [biasa] lah, dan saya pun menjawab dalam jawapan tu saya ucapkan tahniah, kerana anak anda tidak dijangkiti oleh penyakit. Sebab vaksin ini adalah satu bahan yang digunakan untuk spesifik membentuk antibodi. Dia bukan untuk mencegah kencing manis, bukan untuk mencegah darah tinggi, bukan untuk mencegah selsema, bukan untuk mencegah kurap, bukan. Dia spesifik, kalau vaksin tu TB [tuberculosis] kita bagi BCG [Bacillus Calmette Gurrain], kalau untuk campak kita bagi MMR [Mumps, Measles, Rubella], untuk Mumps kita bagi MMR [

Mumps, Measles, Rubella], untuk Covid kita bagi vaksin Covid (nada tegas), kita tak boleh bagi vaksin Measles untuk patient [pesakit] Covid. Jadi, itu kena faham disitu. Sebab tu [itu] orang kata kalau anak dia sihat je [sahaja] tak ada apa, maksudnya anak dia tak kena selsema, tak demam. Alhamdulillah lah anak dia tak kena, bagi anak orang lain yang kena macam mana? Anak orang lain yang kena Meningokokal macam mana? Dan perlu diingat juga bahawa vaksin itu bukannya mukjizat, bukan benda yang ajaib, bukannya 100% tetapi dia ada some percent of protection [beberapa peratus perlindungan] atleast [sekurang-kurangnya] 90%. Situ juga orang jadi salah faham sebab dia kata bila bagi vaksin ni [ini] tak kena belaka [semua] lah (tegas). Tidak begitu kan, maksudnya dia ada some percent of protection [beberapa peratus perlindungan]. Sama juga macam kita pakai payung, kalau kita pakai payung adakah kita jamin diri kita ni [ni] dok [tak] basah [basah] akibat hujan? dok [tak] juga kan? Basah juga tapi tidak la seperti orang yang tak ada payung, orang tak ada payung lagi risiko untuk basah lagi tinggi sama dengan kita pakai tali keledar, tali keledar kan, adakah ia adalah pasport untuk tidak accident [kemalangan] atau tidak maut, tak juga kan. Maksudnya ada some protection of that of the penggunaan bahan-bahan tersebut [beberapa perlindungan dari itu dengan penggunaan bahan-bahan tersebut]. Jadi disini kalau orang mengatakan bahawa kalau anak dia okay sihat je [sahaja], anak saya pun sihat juga, anak saya bagi vaksin (ketawa), Cumanya kalau kita berada dalam risk area seperti yang saya sebut tadi. Apabila jumlah penerimaan vaksin di dalam lokaliti turun, contoh berlaku di Petaling Jaya hari tu (itu) berlakunya difteria sehingga turun menyebabkan berlaku wabak. Disini anak samada diberi vaksin ataupun tidak diberi vaksin mempunyai risiko untuk dijangkiti, mempunyai risiko untuk dijangkiti, yang ini kita nak supaya protection [perlindungan] tu [itu] ada di dalam setiap lokaliti tersebut. Ada juga yang berhujah dia kata bagi vaksin ni [ini] bodo [bodoh], anak saya tak bagi vaksin semua cerdik-cerdik boleh hafal Quran apa semua tu [itu]. Itu satu isu yang lain sebab bab belajar bab cerdik bab bodo [bodoh] bukan vaksin bukan apa, itu melibatkan ajaran. Kalau you all [kamu semua] ajar betul-betul anak you [kamu] sebab kan boleh menghafal, orang vaksin ke antivaksin ke tetap boleh menghafal, dia tak ada kaitan pun dengan vaksin (nada tegas). Tapi [Tetapi] orang sengaja nak cari alasan dia kata menyebabkan bodo [bodoh]. Wallahualam. Itu satu jawapan juga tu [itu] (ketawa).

LH : Terima kasih untuk ulasan yang begitu detail [terperinci] dan juga padat jadi seterusnya adalah tips. Sebagai seorang, orang kata yang ahli dan juga berpengalaman dalam bidang kesihatan ni [ini], boleh tak Dr memberikan sedikit

tips penjagaan kesihatan bagi untuk mengelakkan terkena jangkitan virus Covid-19 yang orang kata sekarang ni [ini] kes pun sekejap naik sekejap turun. Boleh tak Dr share [kongsi] kan sedikit orang kata tips lah untuk kami-kami yang terutama kami yang belum divaksin ni [ini] lagi untuk elak di terjangkiti.

SA : Iya, kan Khairy Jamaluddin dah keluar kenyataan bagi pelajar-pelajar, dah dapat ke tak dapat lagi?

**MZ
&
LH** : Belum lagi.

SA : Insha-Allah, semua rakyat Malaysia Inshaallah akan dapat vaksin. Cuma cepat ataupun lambat lah, Insha-Allah. Okay, berkaitan dengan ini saya pun, kita kena ingat bahawa kita sekarang ni [ini] melakukan usaha ini adalah diantara kaedah-kaedah doa, usaha dan tawakal, kita kena ingat tu [itu]. Kita bukannya yakin 100% kita tak mati, kita bukannya 100% kita yakin tidak dijangkiti sebab risiko berada di mana-mana hatta risiko yang berada di klinik kesihatan, risiko berada di hospital yang menguruskan Covid adalah lebih tinggi daripada orang awam. Jadi, untuk mengelakkan risiko itu lah perlu tanggungjawab setiap individu, individu sebagai masyarakat dan individu sebagai penjawat awam dan tanggungjawab kepada kerajaan dan disini lah alhamdulillah, saya rasa dengan kaedah yang dilakukan oleh kerajaan, ikhtiar yang dilakukan oleh kerajaan itu dia ada dua perkara penting yang pertama adalah dia panggil public health measure [langkah kesihatan awam] dimana kerajaan telah mengenakan beberapa polisi yang tertentu yang telah pun dilakukan selama daripada, sejak daripada Januari 2020 lagi sampai sekarang, kerajaan telah menggunakan polisi-polisi tertentu termasuk daruratnya, termasuk PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] nya, termasuk dengan face mask [pelitup muka] nya dan pelbagai lagi lah yang kita boleh bilang satu per satu. Ini adalah modaliti ataupun kaedah-kaedah ikhtiar yang dilakukan, termasuk top up [tambah nilai] nya adalah melalui pemberian vaksin. Ini adalah ikhtiar. Doa insha-Allah kita selalu doa kan? Dan akhir sekali adalah perlu adalah tawakal. Dan kedua, yang tadi public health measure [langkah kesihatan awam]. Yang kedua adalah akta dan polisi, disini pentingnya satu kerajaan yang kukuh sebab apabila ada satu kerajaan kukuh yang menguruskan polisi, yang menguruskan kewangan yang sebaik mungkin tidak ada berbalah sesama sendiri sebab apa saya nampak secara truly [benar] secara jujurnya saya nampak sekarang ni [ini] apabila kerajaan kita tak stabil, you all [kamu semua] pun tahu kan sekarang ni [ini] kadang-kadang kerajaan yang separuh-separuh yang macam-macam idea yang dikeluarkan. Maksudnya, seolah-olah kita sekarang ni berbalah sesama sendiri. Hokni [Yang ini]

kata aku lah yang boleh guna kaedah yang terbaik. You [Kamu] sebagai kerajaan tak betul, kerajaan pulak kata kamu [kamu] tak betul dan sebagainya. Maksudnya kalau lah kita tidak satu hati, tidak sama-sama berpakat untuk semata-mata menghapuskan Covid ini, asyik berbalah, tuduh menuduh, asyik kata mengata, kita tak kemana. Boleh menyebabkan bermasam muka, boleh menyebabkan pengurusan diperingkat tertingginya terganggu, tergugat menyebabkan pertimbangan politik untuk membolehkan ekonomi, untuk membolehkan sosial masyarakat akan terbantut. Jadi disini pentingnya measure [langkah] yang kedua adalah kekuatan dari segi kerajaan itu sendiri. Selain dari public health [kesihatan awam] yang dilakukan oleh penjawat awam, politik juga adalah penting untuk itu. Wallahualam

LH : Seterusnya adalah kalau tadi tips dalam untuk bidang kesihatan lah. Ini untuk orang kata secara kehidupan lah, kami kami berdua nampak yang Dr begitu sibuk dengan kerja harian dengan sekarang ni [ini] dengan kes Covid nya dengan orang kata Dr begitu aktif dalam penulisan dan juga menyertai seminar ataupun bengkel. Jadi bagaimana Dr menguruskan atau membahagikan masa dengan kerja hakiki, dengan keluarga dan juga program-program luar waktu pejabat.

SA : Kadang-kadang susah juga nak jawab sebabnya seolah-olah kita ini, saya sendiri lah seolah-olah orang yang mengatur kita. Ore [orang] mesej Dr boleh dok [tak] malam ni kita wak [buat] FB [Facebook] live [siaran langsung] ? Kita kata malam ni tak ada, boleh la. Contohnya kan? Macam you [awak] punya mesej kat saya boleh tak doc [Dr] saya nak interview [temuramah], tengok jadual free, boleh la. Seolah-olah orang yang mengatur kita punya jadual, orang yang menyibukan jadual kita. Haa, macam tu [itu], sedangkan kerja hakiki saya masih tetap ada dan disini lah saya kat klinik ni [ini]. Alhamdulillah saya duduk, klinik tak berapa sibuk sangat, klinik kampung. Jadi masa seperti ini sepatutnya ada kes dan sebagainya tetapi saya squeeze [pusing] kan kes itu ke pagi dan sebagainya. Maksudnya, saya bagi peluang untuk berdepan dengan you [kamu] berdua ni [ini] untuk interview [temuramah]. Begitu juga dengan orang-orang lain lah yang saya space [jarak] kan masa. Walaupun begitu, saya bukan sempurna, saya bukan sempurna saya mengaku saya tidak sempurna hingga kan dalam keluarga sendiri pun kadang-kadang isteri saya saya mengungut [merungut] juga. Dia kata balik je [sahaja] komputer, balik je [sahaja] komputer, balik je [sahaja] komputer sebab adanya live [siaran langsung], adanya nak edit ini, adanya nak tulis ni sampaikan nak tidur dia kata tak habis lagi menulis? (ketawa). Dia tanya, tak habis

lagi menulis?sebab saya menulis asyik atas katil pun masih lagi nak habiskan ayat terakhir untuk dipos pagi esoknya (ketawa) contohnya sampai ke tahap tu. Tapi [tetapi] itu lah everybody [semua orang] tidak sempurna dan ketidaksempurnaan itu lah kita belajar, teguran daripada isteri itu lah kita belajar, teguran daripada anak-anak itu lah kita belajar, teguran daripada kawan-kawan itu lah kita belajar dan hasil daripada saya sini pun saya belajar sesuatu daripada you all [kamu semua] saya belajar, saya akan dapat belajar yang pengintibaran-pengintibaran yang tertentu, apa yang you [kamu] nak, apa soalan yang you [kamu] dan sebagainya. Saya belajar dan kita sebagai manusia ni hidup mesti belajar setiap masa. Belajar kena dapatkan sumber yang tepat pula itu yang penting. Sumber yang tepat, jangan dok [duduk] cari benda-benda lain yang terus mengarut terus dalam kehidupan kita. Wallahualam.

LH : Jadi, yang terakhir adalah harapan. Jadi secara peribadinya sebagai seorang Dr yang berada dalam sektor kesihatan apa harapan mungkin pendapat Dr yang bidang kesihatan di negara kita ni [ini] boleh ditambah baik.

SA : Ya, ni [ini] jawab sebagai macam saya ni [ini] menteri je [sahaja] suruh jawab ni [ini] (ketawa). Iya, sebenarnya kita punya sistem kesihatan dalam negara... Iyalah, kalau saya kata kang [nanti] seolah macam puji sendiri pulak kan, puji kementerian. Tapi [Tetapi] we are among the best [kita antara yang terbaik], among the best [antara yang terbaik], among [antara] daripada negara-negara lain. Saya nampak banyak yang lack [kurang] contohnya negara jiran Indonesia dan sebagainya. Banyak yang lack [kurang], contoh isu ya, isu Ivermectin contohnya kan, Ivermectin negara kita bersama negara-negara luar yang lain masih lagi hold [tahan] supaya tidak menggunakan Ivermectin ni [ini] sebagai perubatan secara umum masih lagi perlu satu pengkajian lebih tuntas lebih sahih lebih kuat dalilnya. Tetapi nampak Indonesia nampak macam bersetuju. Tapi [tetapi] persetujuan tu [itu] bukan oleh kerajaan tetapi oleh persatuan yang kuat dalam negara mereka. Persatuan bekas-bekas doktor apa tahu [tidak pasti] saya nampak yang mereka yang mengisytiharkan bahawa Indonesia akan menggunakan Ivermectin sedangkan badan evaluatory [penilaian] mereka tak benar pun. Dibenarkan hanya untuk kajian sahaja untuk research [kajian] sahaja. Tapi [Tetapi] mereka dah isytihar dah Indonesia akan menggunakan Ivermectin. Tapi [Tetapi] negara kita alhamdulillah saya nampak ada penentangan-penentangan daripada pihak-pihak tertentu tapi [tetapi] masih lagi penentangan itu masih lagi dalam kerangka dan atur dan masih lagi tidak mereka yang nak makan Ivermectin tu melawan keputusan yang telah dilakukan oleh kerajaan supaya tidak digunakan secara umum walaupun ada dikalangan mereka yang telah pun jual secara-secara sukarela kan. Tetapi enforcement [penguatkuasaan] daripada-daripada Kementerian

Kesihatan. Rush [serbuan], pergi tangkap dan sebagainya masih ada lagi tetapi berbanding mungkin saya nak bandingkan Indonesia itu sendiri mungkin saya kata kalau Indonesia dah seolah-olah mereka dah tak dengar dah kata kerajaan mereka buat cara mereka sendiri macam tu [itu] seolah-olah nya. Sama juga dengan isu, isu halal haram Astrazeneca , haritu [hari itu] kan. Seluruh dunia telah mengisytiharkan Astrazeneca adalah bebas daripada khinzir tak ada pun, sebenarnya tak ada pun tapi mengapa Indonesia dia punya Majlis Ulama Indonesia mengeluarkan begitu sebab dia punya rujukan dia hanya melihat kepada bacaan-bacaan yang tidak secara teliti menyebabkan bila tidak teliti dia punya Badan Pengobatan [Badan Perubatan] dipanggil BPOM [Badan Pengawas Obat dan Makanan] mereka telah pun beri nasihat tapi tak dengar kata BPOM [Badan Pengawas Obat dan Makanan] ni badan pengobatan macam NPRA [National Pharmaceutical Regulatory Agency] dalam negara kita badan autoriti macam Kementerian Kesihatan negara kita lah dia bagi nasihat tak adanya dalam tu seperti yang didakwa tetapi Majlis Ulama mereka tak terima dan terus mengisytiharkan bahawa Astrazeneca haram ada khinzir dan sebagainya sedangkan seluruh dunia, negara kita dan sebagainya telah pun menerima bahawa memang pun tidak ada, memang pun tidak ada tapi oleh kerana entah macam mana Majlis Ulama mengeluarkan yang demikian. Jadi disini secara kesimpulannya mengatakan bahawa, alhamdulillah kita kekalkan sistem yang ada ini beserta dengan input-input yang baru berdasarkan evidence based medicine [perubatan berasaskan bukti] kita tidak boleh lari daripada evidence based medicine [perubatan berasaskan bukti] hatta saya baru terima surat hari ini berkaitan dengan TCM [Traditional and Complementary Medicine]. Orang mengatakan TCM [Perubatan tradisional dan komplementari] mengapa doktor perubatan, Dr Suhazeli lah terutama sekali apabila menulis seolah-olah tak terima langsung traditional medicine [ubat tradisional], ubat-ubat herba tak nak terima langsung. Tidak, tidak begitu kita menerima, menerimanya mengikut apa yang telah di garis panduan kan oleh Kementerian Kesihatan. Bagaimana, apa jenis dia, adakah berdasarkan kepada kajian tertentu ataupun tidak. Maksudnya kita based [berdasarkan] balik kepada landasan ilmu, kepada disiplin perubatan itu. Bukan pakat nak ambik rambang je [sahaja] terus masuk, tak boleh. Kita kesihatan kalau campur aduk semua tu [itu] tak boleh sehinggakan apa, menurut guna jin dan sebagainya tak boleh kan. TCM [Perubatan tradisional dan komplementari] itu ada, saya baru terima harini [hari ini] beberapa jenis TCM [Traditional and Complementary Medicine] yang advocate [menyokong] 15 buah hospital dalam negara kita menggunakan Traditional and Complementary Medicine [Perubatan tradisional dan komplementari] terutama sekali bab mengurus, syifa dan apa lagi acupuncture [Akupunktur] yang telah pun mereka buat kajian secara sah

bahawa kaedah mereka itu boleh membantu dalam perawatan dalam negara kita. Wallahualam. Tak tahu jawab soalan ke dok [tidak] tak tahu (ketawa).

LH : Insha-Allah Dr, okay, seterusnya harapan Dr dalam isu semasa seperti vaksin dan juga Covid19. Apa yang diharapkan Dr dalam isu ini.

SA : Okay, harapan saya berkaitan dengan isu ini supaya kita keluar segera dalam pandemik lah. Pandemik Covid19 ini telah mencengkam kita lebih daripada 18 bulan. Kita sekarang telah mentally fatigued [keletihan mental] secara mentalnya kita sudah letih sebab tu [itu] lah keluar macam-macam dalam Facebook, macam-macam rungutan dalam media sosial yang nampak bahawa pemikiran kita sudah pun letih dalam isu ini dan kes yang berlaku belakangan ini seperti bunuh diri, gantung diri, itu adalah satu daripada manifestasi kesan komplikasi daripada pandemik Covid19 yang telah menyerang ke setiap lapisan masyarakat. Kalau anak-anak kita berkaitan dengan pembelajaran pulak, terpaksa dengan PdPR [Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah] dan sebagainya. Itu pun satu isu, jadi harapan saya paling utama adalah kita bersama-sama bersatu hati, berpadu untuk keluar segera dari pandemik Covid19 ini. Salah satu daripada cara dan kaedah yang ampuh yang telah pun dicapai kejayaannya oleh negara-negara luar adalah melalui pemberian vaksinasi. Kita tengok di US [Amerika Syarikat], di UK [United Kingdom] setelah pencapaian mereka lebih pada 50% dalam negara mereka, alhamdulillah mereka sudah kembali kepada normalcy [keadaan normal] kembali kepada kehidupan yang normal. Dah boleh buat liga, Euro [Kejuaraan Euro], dah boleh main bola dan sebagainya. Kita, apabila kita lambat dari segi ini maksudnya kita akan terus lagi berada dalam suasana ini sampai kita betul-betul boleh mengawal Covid19. Wallahualam. Terima kasih banyak-banyak diatas interview [temuramah] ini.

LH : Okay, harapan kepada generasi baru ataupun bakal-bakal Doktor yang berkecimpung lah dalam bidang kesihatan yang sama seperti Dr, apakah harapan ataupun nasihat yang Dr boleh berikan.

SA : Untuk generasi baru yang pertama sekali adalah update your knowledge [kemas kini pengetahuan kamu]. Saya bukan kata saya hebat dari segi pengetahuan dan sebagainya. Bidang perubatan adalah satu bidang yang dinamik, ia bukannya statik, ia bukannya rigid [tegar]. Sudah pasti setiap hari kita akan belajar benda yang baru. Contohnya, pengurusan Covid19 ini everyday [setiap hari] kita belajar, dulu sebelum ni, 14 hari kuarantin sekarang ni dah boleh 10 hari je [sahaja] kan. Dulu kita kata kena kuarantin sehingga ke dua bulan jika ianya masih positif tapi [tetapi] sekarang ni [ini] tak perlu dua bulan cukup 10 hari sebab lebih dari 10 hari sudah pun tidak ada keboleh

jangkitan. Positif itu adalah akibat daripada remains of the virus [sisa virus]. Ini adalah isu-isu baru dan disini lah kita sebagai generasi baru dan generasi lama seperti saya pun perlu update [kemas kini] setiap hari ilmu. Yang kedua, kita terjemahkan dalam masyarakat sebaik mungkin supaya kita semua selamat dan menyelamatkan satu nyawa itu, seolah-olah kita menyelamatkan ummah secara keseluruhannya. Berpegang lah pada itu terus, kita mendatangkan diri kita ini boleh memberikan manfaat kepada manusia keseluruhannya. insya-Allah.

LH : Soalan terakhir adalah apakah harapan ataupun perkara yang Dr rasa Dr masih belum capai dalam hidup Dr?

SA : Doktor: Erm, susah juga nak jawab ni [ini]. Apa yang saya nak dalam kehidupan saya ye (berfikir)? Saya nak reda Allah Subhanahuwataala itu je [sahaja] la. Keluarga saya, masyarakat semuanya bebas daripada api neraka Allah Subhanahuwataala itu adalah dia punya end of my mind [hujung fikiran saya] lah. End of my mind [hujung fikiran saya], tapi [tetapi] di atas dunia ni [ini] kita mesti lah terus berusaha untuk dapat yang terbaik mungkin, Sebagaimana yang selalu kita sebut lepas daripada sembahyang, selalu doa lepas daripada kita sembahyang surah al-Baqarah: ayat 201. Kita nak semua diri kita ini kebaikan. Apa saja [sahaja] kita lakukan lepas pada ni [ini] kita nak kebaikan, apa saja [sahaja] harapan yang kita nak lepas ni [ini] adalah kebaikan untuk diri kita, keluarga kita dan untuk masyarakat secara keseluruhannya. Wallahualam.

MZ : Baik, terima kasih Dr diatas perkongsian yang amat bermakna untuk kami berdua.

SA : Sama-sama. Terima kasih lah, tolong apa, interview [temuramah]. Saya rasa dalam hidup saya, hokni [yang ini] first time [kali pertama] orang interview [temuramah] secara extensive [luas] macam ni [ini] (ketawa). Harap-harap boleh buat laporan Khusus dan saya pun boleh publish (terbitkan) buku tu [itu] (ketawa).

MZ : So [Jadi], sebagai penutup. Demikian tadi temubual mengenai pangalaman dan peranan Dr Suhazeli Bin Abdullah sebagai seorang tokoh di dalam perubatan keluarga ataupun lebih dikenali sebagai “Family Medicine Specialist” [Pakar Kesihatan Keluarga] pada masyarakat. Kami mengucapkan jutaan terima kasih dan diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi yang akan datang. Sekian terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN H

RUJUKAN

RUJUKAN

- Astro Awani, Berita Tajuk utama Hari Ini, Berita semasa, Berita Terkini Malaysia, Dunia, SUKAN, Hiburan, teknologi, Gaya Hidup, AUTOMOTIF, POLITIK, FOTO, VIDEO, Dan SIARAN Langsung TV. (n.d.).
<https://www.astroawani.com/topic/dr-suhazeli-abdullah>.
- Aziz, A. F. A., Aziz, N. A., Sulong, S., & Aljunid, S. M. (2012, November 27). *The post DISCHARGE stroke care services in Malaysia: A pilot analysis of self-reported practices of family medicine specialists at public health centres*. BMC Public Health.
<https://bmcpublichealth.biomedcentral.com/articles/10.1186/1471-2458-12-S2-A1>.
- Aziz, A. F. A., Nordin, N. A. M., Aziz, N. A., Abdullah, S., Sulong, S., & Aljunid, S. M. (2014, March 2). *Care for Post-stroke patients At Malaysian public Health Centres: Self-reported practices of family medicine specialists*. BMC Family Practice.
<https://bmcfampract.biomedcentral.com/articles/10.1186/1471-2296-15-40>.
- Chew, B.-H., Cheong, A.-T., Ismail, M., Hamzah, Z., A-Rashid, M.-R., Md-Yasin, M., & Ali, N. (2014, June 1). *A nationwide survey on the expectation of public healthcare providers on family medicine specialists In Malaysia-a qualitative analysis of 623 written comments*. BMJ Open. <https://bmjopen.bmj.com/content/4/6/e004645.short>.
- Doktor keluarga adalah ... Deskripsi profesion, keperluan, tugas dan kualiti penting – Pengurusan kerjaya 2021. (n.d.). Retrieved from
<https://ms.campwaltblog.com/4303416-family-doctor-is-...-description-of-the-profession-requirements-duties-and-important-qualities>
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020, June 2). *COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government*. International Journal of Infectious Diseases. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1201971220304008>.
- Salim, N., Chan, W. H., Mansor, S., Bazin, N. E. N., Amaran, S., Faudzi, A. A. M., Zainal, A., Huspi, S. H., Hooi, E. K. J., & Shithil, S. M. (2020, January 1). *COVID-19 epidemic in MALAYSIA: Impact of lockdown on infection DYNAMICS*. medRxiv.
<https://www.medrxiv.org/content/10.1101/2020.04.08.20057463v1>.
- Santiago, A. C. (n.d.). Pakar Perubatan Keluarga atau Doktor. Retrieved from
<https://ms.approby.com/pakar-perubatan-keluarga-atau-doktor/>
Biodata Saya. www.suhazelicom. (n.d.). https://suhazeli.com/wp/?page_id=395.
- Santiago, A. C. (n.d.). Pakar Perubatan Keluarga atau Doktor. Profail Kerjaya Pakar Praktik Keluarga. <https://ms.approby.com/pakar-perubatan-keluarga-atau-doktor/>.
- Yap, F. B.-B., & Kiung, S. T. (2015, December 5). *Knowledge and confidence in the diagnosis and management of Leprosy among family medicine specialists in Malaysia*. Journal of Dermatology & Dermatologic Surgery.
<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2352241015000614>.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

LOG	TOPIK	HURAIAN
03.50 – 41.00	Latar belakang	- Anak kelahiran Kampung Perol, Kota Bharu, Kelantan. - Dilahirkan pada 2 Mac pada tahun 1971. - Ayah merupakan seorang Imam Masjid. - Emak merupakan seorang petani dan penjual nasi kerabu.
41.14 - 48.06	Sejarah Pendidikan Awal	- Menceritakan banyak kenangan pahit dan manis. - Mendapatkan keputusan yang cemerlang di Penilaian Darjah 5.
48.08 – 51.19	Sejarah Pendidikan Awal	- Menceritakan tentang anugerah sepanjang zaman persekolahannya. - Merupakan 5 pelajar terbaik di sekolah. - Menceritakan pengalaman atau kenangan manis dan pahit ketika sekolah rendah dan menengah. - Menceritakan pengalaman ketika bersama rakan-rakan.
51.20 – 1.02.34	Institusi Tinggi	- Beliau belajar di Matrikulasi SERATAS. - Menceritakan pengalaman beliau sepanjang berada di SERATAS. - Memberikan nasihat akan kegagalan dan supaya terus bersemangat.
1.02.38 – 1.09.06	Institusi Tinggi	- Menceritakan kenapa beliau memilih bidang perubatan ini sebagai kerjaya kerana disebabkan emak beliau.
1.09.07 – 1.13.08	Institusi Tinggi	- Beliau menceritakan tentang biasiswa yang diterima oleh beliau sepanjang melanjutkan pelajaran. - Beliau ingin melanjutkan lagi dalam pelajaran yang lebih tinggi.

1.13.10 – 1.22.22	Sejarah / Pengalaman ketika praktikal	- Beliau menceritakan tentang Latihan Siswazah beliau selama 4 bulan. - Beliau menceritakan disiplin perubatan yang beliau ambil ketika praktikal.
1.22.23 – 1.26.37	Pengalaman Kerjaya	- Beliau menceritakan perbezaan pengalaman ketika beliau menjadi seorang Dr Pakar Kesihatan Keluarga. - Beliau menceritakan pengalaman beliau di dalam latihan perubatan.
1:27:05- 1:37:42	Penghargaan dan Anugerah	- Beliau berkongsi tentang penghargaan dan anugerah yang beliau terima seperti "Anugerah Wira Vaksin'.
1:37:50- 1:50:00	Hasil Penulisan	-Beliau berkongsi hasil-hasil penulisan beliau melalui buku dan juga penulisan artikel.
1:50:20- 1:57:19	Program di luar pejabat	- Beliau banyak menghadiri persidangan luar dan program di luar bagi memastikan masyarakat cakna akan masalah Covid-19 dan juga vaksinasi.
1:57:25- 1:59:20	Persidangan	- Beliau banyak menghadiri persidangan luar bagi memastikan masyarakat cakna akan masalah Covid-19.
1:59:30- 2:08:05	Isu semasa- cara mendidik masyarakat tentang vaksin	- Beliau berkongsi pengalaman beliau dalam mendidik masyarakat tentang vaksin. .
2:30:00- 2:11:58	Fungsi dan peranan vaksin	- Beliau berkongsi akan fungsi dan peranan vaksin yang sebenar di mana ada sesetengah masyarakat tersalah anggap akan vaksin tersebut.
2:12:00- 2:16:24	Tips kesihatan	- Beliau berkongsi tentang tips kesihatan yang sering diamalkan oleh beliau.
2:16:35- 2:19:26	Tips menguruskan masa	- Beliau berkongsi menguruskan masa di samping kesibukkan beliau.
2:19:35- 2:24:55	Harapan terhadap sektor kesihatan	- Beliau berharap semoga sektor kesihatan terus maju dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

2:25:00- 2:27:05	Harapan terhadap isu covid-19	- Harapan beliau semoga hal ini dapat di atasi segera dan dapat hidup dalam keadaan makmur seperti sedia kala.
2:27:13- 2:28:50	Harapan kepada generasi Dr yang baru	-Harapan beliau kepada generasi muda adalah untuk terus bersemangat dan terus mencapai apa yang diimpikan.
2:28:55- 2:29:57	Harapan dr dalam kehidupan	-Harapan beliau adalah semoga kehidupan beliau dapat memberikan manfaat kepada orang lain.

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	TINDAKAN	CATATAN
5 / 4 / 2020 (Isnin)	4.30 petang	- Kami sudah mempunyai kumpulan untuk melakukan kerja kursus IMR604. - Luqman dan Zarif menjadi satu kumpulan bagi kerja kursus IMR604.	SIAP
10 / 4 / 2020 (Sabtu)	11.00 pagi	- Kami berbincang mengenai tokoh yang hendak ditemubual. - Kami telah membuat keputusan untuk menemubual seorang tokoh dari Pahang.	SIAP
12 / 4 / 2020 (Isnin)	2.00 petang	- Kami telah membuat asbtrak tentang tokoh tersebut untuk dihantarkan kepada pensyarah.	SIAP
13 / 4 / 2020 (Selasa)	5.45 petang	- Apabila siap sahaja abstrak tersebut kami terus sahaja menghantar untuk diterima pensyarah atau tidak - Pensyarah memaklumkan kepada kami supaya kami mencari tokoh yang lain.	SIAP
16 / 4 / 2020 (Jumaat)	9.00 pagi	- Kami berbincang untuk memilih tokoh yang lain untuk ditemuramah.	SIAP

20/ 4 / 2020 (Jumaat)	10.00 malam	- Kami membuat keputusan untuk membuat abstrak tentang seorang tokoh batik di Terengganu).	
1 / 5 / 2021 (Sabtu)	3.00 petang	- Abstrak telah pun siap dan dihantar untuk disemak pensyarah.	SIAP
2 / 5 / 2021 (Ahad)	10.30 pagi 2.00 petang	- Pensyarah memaklumkan bahawa tokoh yang kami cadangkan telah pun pernah ditemubual. - Kami mencari tokoh yang baru dan telah membuat senarai pendek. Kami telah senarai pendekkan 2 pilihan:- - Usahawan keropok lekor dari Terengganu. - Dr. Suhazeli iaitu Pakar Perubatan Keluarga di Terengganu.	SIAP
4 / 5 / 2021 (Selasa)	9.00 malam	- Kami membuat keputusan untuk menghantar abstrak tentang kedua-dua calon tokoh tersebut untuk mendapatkan kelulusan dari pensyarah.	SIAP
5 / 5 / 2021 (Rabu)	4.00 petang	-Kami memulakan proses membuat 2 abstrak tentang kedua-dua tokoh	SIAP

7/5/ 2021 (Jumaat)	10.00 malam	-Abstrak telah pun siap dan dihantar kepada pensyarah untuk disemak. -Kami membuat proposal tentang kerjaya tokoh.	
8 / 5 / 2021 (Sabtu)	10.00 pagi 11.00 malam	- Pensyarah telah pun meluluskan kedua-dua abstrak dan tokoh yang kami pilih. - Jadi kami harus memilih salah satu daripada dua tokoh tersebut. - Jadi kami memilih Dr. Suhazeli sebagai tokoh yang pilih untuk ditemubual. -Kami menghantar proposal kepada pensyarah menggunakan platform Google Classroom.	SIAP 51
16/ 5 / 2021 (Ahad)	6.00 petang	- Kami menghubungi beliau melalui 'Messenger' di Facebook dan beliau memberikan nombor telefon beliau menerusi akaun Facebook miliknya untuk berbincang lebih lanjut melalui aplikasi 'Whatsapp'.	SIAP
17 / 5 / 2021 (Isnin)	4.00 petang	- Kami menghantar mesej kepada Dr Suhazeli melalui 'Whatsapp' sebelum menghubungi beliau melalui	SIAP

		panggilan telefon dan beliau sudi untuk ditemu ramah dan menerangkan tujuan temubual dijalankan.	
18 / 5 / 2021 (Selasa)	3.00 petang	- Kami menghantar kepada beliau surat pengesahan rasmi dari UiTM menerusi email.	SIAP
27 / 5 / 2021 (Khamis)	12.30 tengahari	- Kami berbincang mengenai untuk menyedia dan membuat soalan-soalan untuk disemak oleh pensyarah terlebih dahulu.	SIAP 52
15 / 6 / 2021 (Ahad)	2.00 petang	- Setelah siap soalan-soalan yang hendak diajukan semasa sesi temubual, kami menghantanya kepada pensyarah terlebih dahulu untuk disemak dan dibetulkan jika ada kesalahan.	SIAP
19 / 6 / 2021 (Selasa)	2.00 petang	- Menghantar draf soalan kepada pensyarah melalui 'Google Classroom' untuk temuramah bersama Dr Suhazeli.	SIAP
15 / 6 / 2021 (Sabtu)	8.00 malam	-Pensyarah telah memberikan komen tentang draf soalan yang kami hantar untuk kami menambah dan membetulkan kesalahan yang terdapat di dalam draf tersebut.	SIAP
19 / 6 / 2021 (Isnin)	5.00 petang	-Kami membetulkan draf soalan setelah diminta oleh pensyarah dan menghantarkannya semula untuk disemak sekali lagi	SIAP

20 / 6 / 2021 (Ahad)	7.00 petang	- Pensyarah meluluskan soalan-soalan yang kami akan bertanyakan kepada Dr Suhazeli. - Terdapat 8 bahagian soalan yang dibahagikan kepada 2 sesi dan setiap sesi akan ada 4 bahagian.	SIAP
22 / 6 / 2021 (Selasa)	11.00 pagi	- Kami telah menghubungi Dr Suhazeli semula untuk memberitahu beliau bahawa soalan telah pun siap dan bertanya kepada beliau masa yang sesuai untuk menjalankan temubual. - Dr Suhazeli mencadangkan untuk diadakan temubual pada 30/ 6/ 2021 dan pada waktu petang	SIAP 53
23 / 6 / 2021 (Rabu)	4.48 petang	-Kami menghantar soalan-soalan yang telah kami buat kepada Dr Suhazeli untuk beliau membuat persiapan.	SIAP
30 / 6 / 2021 (Rabu)	2.30 petang	- Melakukan temu ramah bersama Dr Suhazeli selama 2 jam lebih menggunakan Zoom Meeting	SIAP
10 / 7 / 2021 (Sabtu)	8.00 malam	Mula menulis artikel tentang tokoh	SIAP
22 / 7 / 2021 (Khamis)	9.45 pagi	- Mula menulis transkrip tentang Dr Suhazeli	SIAP
25 / 7 / 2021 (Ahad)	12.30 tengahari	- Menghantar dan menerima surat perjanjian lisan yang ditandatangani oleh Dr Suhazeli	SIAP

26 / 7 / 2021 (Isnin)	10.00 pagi	- Menyemak semula transkrip dan melakukan pembetulan bagi yang salah.	SIAP
26 / 6 / 2021 (Isnin)	10.00 malam	- Menyiapkan artikel serta melakukan semakan.	SIAP
26 / 7 / 2021 (Isnin)	11.59 malam	- Menghantar artikel, audio, video, persediaan transkrip dan diari kajian kepada pensyarah melalui platform Google Classroom.	SIAP 54

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN SEBELUM TEMU BUAL

BAHAGIAN A

Latar belakang

a) Diri sendiri

*Sebagai permulaan sesi temubual kita pada hari ini, bolehkah Dr menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang Dr ?

-Nama penuh

-Nama Timbangan/Panggilan

-Tahun kelahiran

-Tempat kelahiran

*Apakah pekerjaan Dr untuk masa kini dan apakah jawatan yang disandang oleh Dr sekarang?

*Seterusnya, apakah hobi Dr pada waktu lapang?

b) Keluarga

*Baiklah, seterusnya bolehkan Dr menceritakan pula serba sedikit mengenai keluarga Dr sendiri ?

-Nama bapa

-Pekerjaan Bapa

-Nama ibu

-Pekerjaan Ibu

*Mengenai latar belakang keluarga Dr, bolehkah Dr ceritakan keluarga Dr mempunyai berapa bilangan adik- beradik dan Dr merupakan anak yang ke-berapa di dalam keluarga?

c) Pasangan dan anak-anak

Baiklah, seterusnya, bolehkah Dr menceritakan sedikit tentang pasangan Dr dan juga anak-anak ?

-Nama Isteri

-Pekerjaan Isteri

-Tarikh Perkahwinan

-Bilangan anak

-Nama anak-anak

-Bidang pekerjaan/pelajaran anak-anak

BAHAGIAN B

Sejarah Pendidikan Awal

Seterusnya, mengenai sejarah pendidikan bolehkah Dr ceritakan tentang sejarah pendidikan Dr semasa zaman persekolahan ?

a) Sekolah rendah

- Nama sekolah
- Lokasi
- Tahun
- Anugerah yang pernah diperolehi
- Aktiviti kokurikulum yang disertai (Sukan/ Kelab/Persatuan/Unit beruniform),(Peringkat yang diwakili)
- Jawatan yang disandang
- Kaedah pengajaran dan pembelajaran
(perbezaan dahulu dan sekarang)

b) Sekolah menengah

Mengenai sejarah pendidikan di sekolah menengah, adakah dr merupakan seorang pelajar yang aktif di dalam kokurikulum dan juga kurikulum ?

- Nama sekolah
- Lokasi
- Tahun
- Anugerah yang pernah diperolehi
- Aktiviti kokurikulum yang disertai (Sukan/ Kelab/Persatuan/Unit beruniform),(Peringkat yang diwakili)
- Jawatan yang disandang
- Kaedah pengajaran dan pembelajaran
(perbezaan dahulu dan sekarang)

c) Apakah perkara yang menarik dan masih di ingati oleh Dr yang berlaku pada zaman persekolahan misalnya seperti kenangan pahit dan manis ketika zaman persekolahan ?

-Guru paling diminati sehingga sekarang. Mengapa?

-Guru yang paling digeruni

-Kawan baik

-Subjek yang paling diminati

-Subjek yang paling sukar

Institusi Tinggi

Seterusnya, bolehkah Dr bercerita pula tentang zaman Dr ketika memasuki Institusi Pengajian Tinggi?

a) Matrikulasi/STPM dan Setaraf

-Nama Institusi

-Lokasi

-Jumlah semester

-Tarikh mula dan tamat

-Kursus yang diambil

-Bilangan rakan sekelas

-Semester tahun yang paling diingati. Mengapa?

Soalan Tambahan:

***Bagaimanakah Dr dapat memasuki Institusi tersebut?**

-Mengisi borang permohonan/mendapat tawaran

-Keputusan yang diperlukan untuk layak memasuki institusi tersebut ketika itu

***Bagaimanakah dengan suasana di kolej kediaman bersama-sama dengan rakan sebilik? Dan apakah kenangan yang Dr masih ingat sehingga sekarang dan jika tidak keberatan bolehkan Dr ceritakan kenangan tersebut.**

Bagaimanakah pula semasa Dr mengambil Ijazah Sarjana Muda?

- b) Ijazah Sarjana Muda
 - Nama Institusi
 - Lokasi
 - Jumlah semester
 - Tarikh mula dan tamat
 - Kursus yang diambil
 - Bilangan rakan sekelas
 - Semester/tahun yang paling diingati. Mengapa?

Soalan Tambahan:

- *Apakah bidang perubatan ini merupakan satu pilihan utama bagi Dr atau sebaliknya?
- * Seterusnya, bagaimana pula dengan pengalaman yang dilalui oleh Dr semasa mengambil Ijazah Sarjana?

- c) Ijazah Sarjana
 - Nama Institusi
 - Lokasi
 - Tarikh mula dan tamat
 - Kursus yang diambil
 - Semester yang paling diingati. Mengapa?

Soalan Tambahan:

- * Apakah ada cabaran unik yang dihadapi oleh Dr semasa mengambil Ijazah Sarjana?
- * Pada waktu bilakah untuk seorang Doktor perubatan itu memilih bidang kepakaran mereka dalam dunia perubatan?
 - Dalam tempoh berapa semester/tahun pelajar kesihatan tersebut boleh memilih bidang apakah yang mereka minat.
- * Apakah Dr mendapat biasiswa sepanjang menyambung pelajaran dan jika ada dari pihak mana?
- * Berdasarkan apa yang telah diceritakan, Dr pada setakat ini telah pun berjaya mencapai 3 tahap pelajaran yang tinggi, jadi soalan saya adakah Dr merancang untuk menyambung pelajaran ke tahap PHD?

BAHAGIAN C

Sejarah/pengalaman menjalani Praktikal

Bolehkah Dr ceritakan perjalanan Dr semasa menjalani praktikal dan bergelar sebagai seorang Doktor Pelatih?

- Nama hospital
- Lokasi
- Tempoh menjalani praktikal
- Tugas yang ditugaskan sebagai Doktor pelatih?
- Waktu bertugas
 - Berapa jam sehari
 - Berapa hari seminggu

Soalan Tambahan

- * Siapakah Doktor penyelia yang menyelia Dr semasa menjalani praktikal?
- * Apakah terdapat rakan Dr yang menjalani praktikal di tempat yang sama bersama Dr ?
- * Siapakah Pengarah hospital tersebut pada ketika itu?
- * Siapakah individu yang Dr masih ingat sehingga sekarang semasa menjalani praktikal dan Mengapa?

BAHAGIAN D

Pengalaman Kerjaya

Seterusnya, sebelum saya bertanya lebih lanjut secara lebih terperinci tentang bidang kesihatan keluarga, saya ingin bertanya tentang bagaimanakah permulaan karier dan pengalaman Dr ketika bergelar seorang doktor sebelum menjadi pakar kesihatan keluarga.

- Hospital/klinik tempat bermula berkhidmat dan pernah berkhidmat
- Tarikh memulakan perkhidmatan di hospital/klinik yang pernah berkhidmat
- Ketua di hospital/klinik tersebut ketika itu
- Jawatan yang disandang
- Skop tugas

Seterusnya, bagaimanakah pula dengan pengalaman setelah menjadi seorang pakar kesihatan keluarga? Apa perbezaan ketara berbanding sebelum ini?

- Hospital/klinik tempat bermula berkhidmat dan pernah berkhidmat
- Tarikh mula dan tamat perkhidmatan di hospital/klinik yang pernah berkhidmat
- Ketua di hospital/klinik tersebut ketika itu
- Jawatan yang disandang
- Skop tugas

- * Apakah sebab utama Dr memilih untuk menjadi pakar kesihatan keluarga dan sejak bila Dr meminati bidang kesihatan keluarga?
- * Apakah keluarga Dr menyokong pilihan Dr?
- * Bolehkah Dr terangkan apa sebenarnya definisi kesihatan keluarga dari sudut bidang kesihatan secara terperinci atau dari sudut pandangan Dr sendiri.
- * Apakah tugas dan juga peranan sebagai bidang kesihatan keluarga pada perspektif Dr untuk membolehkan masyarakat faham akan tugas dan peranan yang sebenar?
- * Seterusnya, siapakah pula yang menjadi idola atau sebagai kayu pengukur untuk Dr dalam bidang kesihatan dan juga kesihatan keluarga? Mengapa?
- * Bagaimanakah untuk menjadi pakar dalam sesuatu cabang perubatan dan berapa lama masa yang perlu diambil?

BAHAGIAN E

Penghargaan dan Anugerah

*Bolehkah Dr menceritakan dan terangkan tentang penghargaan dan anugerah yang pernah dianugerahkan kepada Dr?

-Nama anugerah tersebut

-Alasan mendapat anugerah tersebut

*Bolehkan Dr ceritakan penghargaan tersebut dianugerahkan oleh siapa anugerah tersebut dan paada tahun bilakah Dr dianugerahkan penghargaan tersebut?

BAHAGIAN F

Hasil-hasil penulisan

* Tambahan lagi, berdasarkan maklumat yang kami berdua perolehi, Dr juga aktif dalam menghasilkan penulisan artikel dan sebagainya. Bolehkah Dr terangkan serba sedikit tentang hasil penulisan Dr yang Dr merasakan hasil penulisan tersebut adalah sesuatu yang menarik dan bermakna bagi Dr?

BAHAGIAN G

Penglibatan aktiviti/program luar pejabat

*Berdasarkan kunjungan kami ke laman website Dr, Dr ada menyenaraikan senarai program sukarelawan yang pernah Dr sertai. Bolehkah Dr ceritakan tentang program sukarelawan yang disertai tersebut?

-Nama program

-Lokasi

-Tarikh

*Apakah tujuan program tersebut dilaksanakan dan apakah manfaat yang dapat diperolehi daripada program tersebut?

* Siapakah penganjur yang terlibat dalam melaksanakan program tersebut?

Seterusnya Dr juga ada menyertai dan melibatkan diri dengan Persidangan / seminar / bengkel. Bolehkah Dr ceritakan tentang beberapa pengalaman menyertai atau menganjurkan aktiviti-aktiviti tersebut?

-Nama program

-Lokasi

-Tarikh

*Apakah tujuan program tersebut dilaksanakan dan apakah manfaat yang dapat diperolehi daripada program tersebut?

* Siapakah penganjur yang terlibat dalam melaksanakan program tersebut?

* Siapakah ahli panel yang lain yang turut serta dalam program tersebut? Adakah panel tersebut mempunyai pengalaman yang sama atau lebih luas lagi?

BAHAGIAN H

Isu semasa

* Baiklah. Soalan seterusnya, Dr merupakan Panel Pakar bagi program Imunisasi dan Vaksinasi di Kementerian Kesihatan. Jadi, sudah tentu sekarang ini vaksin adalah merupakan satu isu yang hangat diperkatakan bukan sahaja di dalam kalangan rakyat Malaysia sahaja, hatta seluruh dunia. Jadi, soalan saya adalah, sebagai seorang Dr dan juga ahli yang lebih arif tentang hal ini dan sering bersuara lantang memperjuangkan dan menyuarakan isu kepentingan vaksin kepada masyarakat. Bagaimanakah cara Dr untuk mendidik dan membuka minda masyarakat kita khususnya untuk tidak meragui peranan vaksin setelah pelbagai teori dan juga fakta-fakta rekaan yang dicipta oleh golongan anti vaksin tersebut. Hal ini kerana, ini bukan sahaja dijadikan alasan untuk menolak vaksin bahkan digunakan untuk menakut-nakutkan orang lain untuk mengambil vaksin.

* Bolehkah Dr terangkan secara umum bagaimana fungsi dan peranan vaksin itu sendiri dalam melindungi masyarakat dari terkena sesuatu penyakit?

Tips

* Sebagai seorang yang ahli dan berpengalaman dalam bidang ini, bolehkah Dr memberikan sedikit tips penjagaan kesihatan bagi mengelakkan terkena jangkitan virus yang sedang menular pada masa ini.

* Selain itu, saya juga ingin meminta sedikit tips dari Dr dimana kami berdua nampak akan kesibukan Dr dengan kerja seharian. Walaupun begitu Dr masih lagi mampu dan berkesempatan untuk melakukan aktiviti dan melibatkan diri dalam program di luar waktu bekerja. Jadi, soalan saya bagaimanakah cara Dr menguruskan masa untuk dibahagikan untuk keluarga, kerja hakiki dan juga aktiviti serta program yang disertai?

Harapan

1. Harapan kepada sektor kesihatan.
2. Harapan Dr untuk isu semasa seperti vaksin dan juga virus yang sedang merebak ini.
3. Harapan kepada generasi sekarang yang berkecimpung di dalam bidang yang sama dgn Dr.
4. Apakah harapan atau perkara Dr rasa masih belum tercapai?

Penutup:

Demikian tadi temubual mengenai pangalaman dan peranan Dr Suhazeli Bin Abdullah sebagai seorang tokoh di dalam perubatan keluarga ataupun lebih dikenali sebagai “Family Medicine Specialist” pada masyarakat. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar, penyelidikan dan generasi yang akan datang. Sekian terima kasih.



Surat Kami 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh 27 April 2021

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	Luqman Haqim Bin Kamaludin	2020334817
2	Muhammad Zairif Hakimi Bin Mohamed Asri	2020798121

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari FAKULTI PENGURUSAN MAHLUMAT bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu ORAL DOCUMENTATION (UMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi LUQMAN HAQIM BIN KAMALUDIN di talian

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA BINTI RAZAK
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Timbalan Rektor HEA

Sebahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
Tel: (+60)978 20007216272888 Faks: (+60)9782 158
Email : rhuslinda@kelantan.uitm.edu.my





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya SUHAZELI BIN ABDULLAH K/P: 123456789 pada
30/6/2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara
saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Suhazeli bin Abdullah)
Tarikh: 25/7/2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Bin Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

GAMBAR



RAJAH 1: Sesi temu bual bersama Dr Suhazeli Abdullah



RAJAH 2: Poster Program Vaksinasi Covid-19



RAJAH 3: Program Vaksin bersama Dr Suhazeli Abdullah




RAJAH 4: Temu bual bersama Manis fm.

SIJIL PENGHARGAAN



RAJAH 5: Sijil Anugerah Wira Vaksin



RAJAH 6: Buku hasil penulisan oleh Dr Suhazeli Abdullah

INDEKS

INDEKS

A

Arab. 14.

Agama. 13, 14.

Asma ul-Husna. 15.

Alumni. 16.

Adzhan. 24,

Anugerah. 28, 30

Aktif. 31.

Anlisa. 31.

Application. 32.

B

Bekeng. 17.

Basikal. 26.

Besar. 28.

Barat. 30.

Bengkel. 32.

Biografi. 32.

Blok Disiplin Mata. 29.

C

Cikgu. 14, 15, 16, 17, 24, 25, 26, 27, 28.

Camilan. 27.

Complete. 28.

Covid. 30, 32.

Cetakan. 32.

D

Doktor. 8, 10, 18, 19, 21, 22, 25, 30, 31, 32, 34, 40, 42, 43, 47, 49, 54, 55, 56, 59, 76, 77, 78.

Doktor pelatih. 77.

Direct. 32.

Design. 33.

Duit. 34.

E

EOD Call. 34,

Explain. 29.

Excel. 31.

Evernote. 32.

F

Felcra. 15, 17, 20, 27.

Family Medicine. 6,12, 22, 25, 31, 35, 47, 49, 57, 59, 81.

Facebook. 21, 40, 43, 44, 45, 46, 47, 49, 68.

Freemason. 38.

Face mask. 41.

G

Gen-X. 24,

Gen-Y. 24,

Group. 30.

Gerobok. 34.

H

Head Department. 31,

Hadiah Latihan Persekutuan. 32,

Housemanship. 21, 34.

I

Ijazah Sarjana. 22, 29, 31, 32, 76.

Interfility. 33,

ICU. 35,

Ivermectin. 32.

J

Juri. 30.

Jabatan. 30.

Jurnal. 32.

K

Klinik Kesihatan. 8, 10, 22, 35, 39, 52.

Kampung Perol. 13.

Khat. 14, 15, 19.

L

Lembaga Letrik Negara. 16.

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan. 15, 17, 20, 27.

Lokaliti. 40.

M

Maahad. 14,18.

Maktab. 14, 15, 20.

Microsoft Disk Operating System. 20,

Mindanao. 30.

Master. 33.

N

Nilam Puri. 13.

Nasi Kerabu. 15, 18, 62.

NGO. 34.

O

Obstetrik dan Ginekologi. 30, 31, 34, 35.

Oncall. 34, 35.

P

Pulau Pinang. 19, 28, 29.

Pakar Perubatan Keluarga. 6, 8, 42, 43, 46, 59, 67/

Pegawai Perubatan. 22, 34.

Pendidikan Jarak Jauh. 22, 23,

R

Remedial. 29.

Re-sit. 28,

Research. 28.

Radio. 29.

S

Sultan Ismail Collage. 14, 18.

Sultan Muhammad. 14.

Siti Hasmah. 15.

Sijil Pelajaran Malaysia 18, 19, 20.

T

Tengku Razaleigh . 14.

Tun Dr. Mahathir Mohamad. 15, 16.

Tenaga Nasional Berhad. 16.

Twitter. 21, 49.

Thesis. 29,

Tawaqquf. 32.

U

Universiti 16,

Universiti Sains Malaysia. 6, 10, 19, 21, 22, 28, 29.

Universiti Kebangsaan Malaysia. 6, 10, 22, 23, 32, 40, 49.

V

VIP. 25,

Vaksin. 10, 39, 40, 42, 47, 48, 49, 50, 51, 56, 63, 80.

Virus. 40.

W

Whatsapp. 16, 21, 68.

Website. 37, 39, 40, 44, 79.

Z

Zaman. 13, 15, 20, 21, 24, 25, 26, 26, 34, 35, 62, 74.